


**Jilid I  
Bil. 4**



**Hari Rabu  
14hb Jun, 1995**

**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**

*House of Representatives*

**PARLIMEN KESEMBILAN**

*Ninth Parliament*


**PENGGAL PERTAMA**

*First Session*

**MESYUARAT PERTAMA**

*First Meeting*

Jilid I  
Bil. 4



MALAYSIA

Hari Rabu  
14hb Jun, 1995

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*House of Representatives*

PARLIMEN KESEMBILAN  
*Ninth Parliament*

PENGGAL PERTAMA  
*First Session*

MESYUARAT PERTAMA  
*First Meeting*

**KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Muka surat 1]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**  
[Muka surat 20]

**USUL:**

**Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong**

— Y.B. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong) [Muka surat 20]



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN KUALA TERENGGANU  
1997

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KESEMBILAN

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,  
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.  
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR  
BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N.  
(Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, D.G.S.M.,  
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerja Raya DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J.,  
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK,  
P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH  
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pertanian, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,  
S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,  
DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T.,  
P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI  
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,  
D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,  
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN  
CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T.,  
J.P. (Bentong).

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S., (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol) .
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.N., (Kulim — Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T, J.P. (Tapah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR. D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.A.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB @ ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi,, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR SHAFIE BIN MOHD. SALLEH (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE KEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., B.C.K., P.J.K., K.M.N. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI AFDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan  
Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J.,  
P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATO' HAJI ABU DAHARI BIN OSMAN (Lipis).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA (Jerantut).
- „ TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- „ TUAN HAJI AHMAD RAHIN BIN MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI (Bagan Datok).
- „ PUAN AINON KHAIRIYAH BINTI MOHD. ABAS (Parit).
- „ TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K., (Yan).
- „ TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATUK JOSEPH CHONG CHEK AH (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATUK HANAFI BIN RAMLI (Jerlun).

Yang Berhormat TUAN HASHIM BIN ISMAIL (Ledang).

- „ TUAN HENRYNUS AMIN (Kinabalu).
- „ TUAN HEW SEE TONG (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM (Seremban).
- „ TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- „ TUAN HAJI HUSNI BIN HANADZLAH (Tambun).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN (Baram).
- „ DATO' DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARIJS (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR KAMAL BIN SALLEH (Wangsa Maju).
- „ TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ DR L. KRISHNAN (Telok Kemang).
- „ TUAN LAU NGAN SIEW (Sandakan).
- „ DR G. LEELAVATHI (Kapar).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ TUAN LIM SI CHENG (Senai).
- „ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,  
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
- Ketua Penolong Setiausaha : Said bin Sidik.
- Pemangku Ketua Penolong Setiausaha : Abdullah bin Abdul Wahab.
- Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman.

### CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

- Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Md. Yusop.  
Haji Suhor bin Husin.

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

- Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.  
Hajah Supiah binti Dewak.  
Ismail bin Haji Hassan.  
Hajah Kalsom binti Ghazali.  
Mohamed bin Osman.  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani.  
Zaharah binti Naim.  
Norwahidah binti Azizi.  
Rozita binti Abd. Samad.  
Jainah binti Sakimin.  
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

### BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

Yang Berhormat DATUK SONG SWEE GUAN (Bandar Kuching).

- „ PUAN SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Machang).
- „ DR TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR TAN YEE KEW (Kelang).
- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,  
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG KAM HOONG (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON (Serdang).
- „ DR YAP YIT THONG (Lumut).
- „ DR YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN ZAINUDDIN BIN MOHAMAD NOR (Pasir Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID (Kuala Kedah).

Yang Berhormat DR MAXIMUS JOHNITY ONGKILI (Bandau).

- „ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- „ TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA (Hulu Terengganu).
- „ TUAN NOH BIN OMAR (Tanjong Karang).
- „ DR NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Bagan).
- „ TUAN PAUL NOUTIN (Penampang).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP (Gaya).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- „ DR RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABDUL KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ TUAN SALAMON BIN SELAMAT (Shah Alam).
- „ DATUK SALLEH BIN TUN SAID (Kota Belud).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA (Julau).

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

---

Rabu, 14hb Jun, 1995

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

MATEMATIK — LANGKAH  
MEMOTIVASIKAN GURU DAN  
MURID BUMIPUTERA

1. **Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh kementerian untuk memotivasikan guru-guru dan murid bumiputera untuk meminati mata pelajaran matematik. Apakah kesan baik yang telah dilihat. Jika tidak, apa tindakan seterusnya.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berbagai usaha telah dijalankan oleh Kementerian Pendidikan untuk memotivasikan guru-guru dan murid-murid bumiputera supaya meminati mata pelajaran matematik.

Pada tahun 1995 ini, seluruh negara diarah menubuhkan Jawatankuasa Peluasan Matematik di peringkat kementerian, jabatan pendidikan negeri, dan pejabat pendidikan daerah. Jawatankuasa

ini bertindak memberi motivasi, mengawal pencapaian pelajar dan memastikan semua pelajar lulus 70% dalam mata pelajaran matematik SPM 1995 ini.

Beberapa program matematik ada dijalankan di peringkat sekolah, daerah dan negeri. Antaranya termasuklah perkhemahan matematik, kuiz matematik, kursus motivasi — semuanya itu untuk pelajar-pelajar — dan seminar, kursus dan bengkel bagi guru-guru.

Kerjasama Kementerian Pendidikan dan agensi luar untuk meningkatkan prestasi murid dalam matematik seperti Program Bijak Sifir dan Congak dan Hadiah Kecemerlangan Matematik UPSR—SHELL telah menunjukkan peningkatan dalam prestasi keputusan matematik di sekolah-sekolah berkenaan.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang Di-Pertua, soalan tambahan. Murid-murid yang mendapat kecemerlangan daripada bidang matematik sama ada di peringkat universiti, di kolej atau di sekolah belum memastikan yang mereka boleh menjadi guru yang bermotivasi dan menyukai ilmu matematik. Tetapi soalan saya apakah tindakan atau bolehkah pihak kementerian buat satu screening, dengan izin, di tiap-tiap kolej, universiti dan sekolah-sekolah dan mencari manusia yang betul-betul berminat dengan mata pelajaran matematik dan layak menjadi guru matematik untuk proses dilatih menjadi guru?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Perancang dan Penyelidikan yang ada di Kementerian Pendidikan sentiasa mengikuti akan perkembangan-perkembangan yang dicapai di semua peringkat pengajian kita dan memang kita berusaha untuk melahirkan ataupun mewujudkan lebih ramai lagi guru-guru yang demikian.

Sekarang ini, kita telah pun mula mengadakan twinning programmes, dengan izin, untuk memberikan latihan-latihan yang lebih sempurna kepada guru-guru matematik bukan sahaja di dalam negara kita ini tetapi juga di luar negeri.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di samping pembelajaran matematik, apakah usaha kerajaan bagi mempertingkatkan taraf pelajaran dan pembelajaran murid-murid di luar bandar dalam bidang mata pelajaran sains dan juga bahasa Inggeris? Dan apakah usaha kerajaan bagi mempertingkatkan kemahiran guru dan juga pendidikan guru dalam bidang-bidang yang berkenaan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalan itu di luar daripada tajuk. Soal yang ditanya ini berkenaan dengan matematik.

**Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di kebelakangan ini banyak diperkatakan tentang kaedah sempoa khususnya dikalangan pelajar-pelajar Cina, dan didapati kaedah ini dapat membantu kecekapan pelajar-pelajar khususnya di peringkat sekolah rendah tentang penguasaan mata pelajaran matematik ini.

Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sejauh manakah tindakan kementerian untuk

memperkenalkan kaedah sempoa ini di sekolah-sekolah khususnya di sekolah rendah di seluruh negara? Apakah guru-guru di peringkat sekolah rendah ataupun menengah sudah dibekalkan dengan pengetahuan tentang penggunaan sistem atau kaedah sempoa ini di sekolah-sekolah?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, memang soal kaedah mengajar matematik ataupun kira-kira ini telah dimulakan sejak 2 tahun yang lalu dan kita dapati kesannya begitu menggalakkan di kalangan murid-murid. Malahan Kementerian Pendidikan telah pun membekalkan alat-alat ini kepada murid-murid yang ada di sekolah-sekolah dan sebagai suatu cara untuk mempertingkatkan lagi minat dan keberkesanan murid-murid di sekolah, kita sekarang ini sudah sampai ke peringkat kedua ataupun tahap kedua melaksanakan kaedah ini melalui berbagai kegiatan termasuklah misalnya pada minggu ini kita adakan satu pertandingan mental arithmetic bagi murid-murid di sekolah-sekolah dan kita percaya sistem ini boleh memberikan kesan yang besar kepada murid-murid di masa-masa yang akan datang.

## INLAND PORT — PENUBUHAN

2. **Tuan Fu Ah Kiow** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) berapa buah "Inland Port" telah diwujudkan dan sama ada kementerian puas hati dengan pencapaiannya setakat ini; dan
- (b) apakah Kementerian Pengangkutan berhasrat menubuhkan satu "Inland Port" di Mentakab dan bila ianya akan mula beroperasi.

**Menteri Pengangkutan (Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat 2 buah pelabuhan inland atau pelabuhan kering iaitu sebuah di Ipoh, yang mula beroperasi pada bulan November tahun 1989 dan sebuah lagi di Nilai yang mula beroperasi pada bulan April tahun ini. Kementerian Pengangkutan berpuas hati dengan prestasi kedua-dua pelabuhan kering tersebut.

Jawapan kepada soalan (b), Kerajaan Negeri Pahang sedang menjalankan kajian feasibility untuk membina sebuah pelabuhan kering iaitu di Mentakab.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, dua tahun dahulu kerajaan telah merancang untuk mengadakan sebuah pelabuhan kering ataupun inland port di bandar Kluang, negeri Johor iaitu di kawasan saya. Saya ingin bertanya, apakah perkembangan terakhir terhadap rancangan ini?

**Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, adalah benar satu kajian daya maju mengadakan satu pelabuhan kering di Kluang telah diadakan pada beberapa bulan atau tahun dahulu tetapi akibat dari kajian itu adalah projek itu tidak berdaya maju.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan pada satu land beidge yang dicadang dibina daripada Butterworth, Pulau Pinang ke Songkhla, Thailand, adakah Kementerian Pengangkutan berhasrat menubuhkan satu inland port di Seberang Prai, Pulau Pinang atau di negeri Kedah?

**Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, Seberang Prai negeri Pulau Pinang begitu dekat dengan pelabuhan Pulau Pinang. Oleh kerana

itu, saya percaya tidak begitu berdaya maju untuk mengadakan satu pelabuhan kering begitu dekat dengan sesuatu pelabuhan yang sedia ada. Serupa juga dengan mengadakan satu pelabuhan kering di negeri Kedah oleh kerana jalan raya Utara—Selatan begitu dekat pada ketika ini dan pengangkutan-pengangkutan kontena adalah senang diangkut antara Kedah dengan Pelabuhan Pulau Pinang.

### TELEFON BIMBIT — PENURUNAN KADAR SEWA BULANAN

**3. Datuk Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan untuk menurunkan kadar sewa bulanan telefon bimbit dan mudah-alih kerana alat tersebut sudah menjadi suatu keperluan umum, khususnya di luar bandar dalam mengikuti arus pembangunan.

14.6.95

**30. Tuan Yunus bin Rahmat** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah cadangan Kementerian untuk mengurangkan kadar sewa bulanan ke paras paling minima ke atas pengguna telefon bimbit memandangkan kepada keperluan yang meluas terhadap masyarakat umum.

21.6.95

**41. Dr. Ramli bin Taib** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah pihak kerajaan bercadang untuk menurunkan kadar bayaran laluan sistem Telefon Cellular memandangkan penggunaannya yang semakin meningkat di negara ini.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Chan Kong Choy):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan ini serentak dengan

soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Jelevu pada 14 Jun dan Yang Berhormat dari kawasan Kemaman pada 21 Jun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dato' Chan Kong Choy:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya sedang mengkaji soal tarif telefon di negara ini termasuk kadar bayaran laluan ataupun yang biasa dikenali sebagai sewa bulanan bagi telefon selular. Kajian ini diharap dapat diselesaikan tidak berapa lama lagi dan apabila selesainya kajian itu, barulah kerajaan dapat membuat satu pendirian dalam perkara ini.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kebelakangan ini terdapat banyak aduan daripada pengguna telefon bimbit mendakwa talian mereka telah digunakan oleh pihak yang tidak diketahui sehinggakan bil bulanan perkhidmatan telefon bimbit mereka berjumlah beribu-ribu ringgit. Apakah nasihat Yang Berhormat Menteri kepada para pengguna telefon bimbit sedemikian?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian memang telah memberikan perhatian yang amat berat mengenai perkara ini dan syarikat-syarikat yang berkenaan telah pun diberikan arahan supaya mencari jalan dan mencari penyelesaian untuk mengatasi masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah itu. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak Telekom Malaysia telah pun memperkenalkan satu sistem yang diberikan nama "Sistem PIN" dan dengan adanya sistem ini, perkara ini dapat diselesaikan

dan dengan adanya sistem yang baru dikenali sebagai "Sistem Digital" secara teknikal masalah ini dapat dikurangkan.

Walau bagaimanapun, mereka yang berkenaan boleh mengemukakan aduan kepada kementerian. Sekiranya aduan ini didapati adalah benar dan munasabah, pihak syarikat dan kementerian akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi perkara ini.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu bahawa sekarang ini terdapat banyak syarikat-syarikat yang telah pun dianugerahkan lesen untuk menganjurkan ataupun melaksanakan perniagaan telefon bimbit. Yang saya ingin tahu di sini, berapa banyakkah lesen yang telah dikeluarkan dan bagaimanakah kesannya dari segi perkhidmatan kepada masyarakat, yang pertama.

Yang keduanya, dengan jumlah lesen yang dikeluarkan itu, apakah kesan kepada perniagaan Telekom Malaysia Berhad sebagai satu warga korporat yang dimiliki oleh pihak kerajaan? Benar atau tidak ini telah pun menjejaskan perniagaan Telekom itu sendiri?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga sekarang sebanyak 7 lesen telah pun dikeluarkan untuk mengusahakan sistem telefon selular ini dan setakat ini 4 buah syarikat telah pun beroperasi dan 3 buah syarikat lagi akan memulakan operasinya pada hujung tahun ini juga.

Perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat-syarikat yang berkenaan sehingga ini amat memuaskan dan pemberian 7 lesen ini kepada beberapa buah syarikat tidak akan menjejaskan Telekom Malaysia.

**JALAN-JALAN PERSEKUTUAN —  
JUMLAH PANJANG SIAP  
DIBINA**

**4. Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) berapakah jumlah panjang jalan-jalan Persekutuan yang telah siap dibina di bawah kuasa Kementerian Kerja Raya di seluruh Malaysia;
- (b) berapakah jumlah panjang jalan-jalan raya Persekutuan di negeri Sabah yang telah siap dibubuh tar;
- (c) berapa panjang dan apakah nama jalan-jalan Persekutuan di Sabah yang belum dibubuh tar;
- (d) tahukah kementerian bahawa lebuh raya utama Beaufort-Mesapol di dalam kawasan Parlimen Sipitang adalah satu-satunya jalan penghubung Sabah-Sarawak/Brunei masih belum dibubuh tar; dan
- (e) bilakah lebuh raya Beaufort-Mesapol ini akan dilaksanakan dan dijangka siap.

**Menteri Kerja Raya (Dato' Seri S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah panjang jalan-jalan Persekutuan yang telah siap dibina di bawah kuasa Kementerian Kerja Raya di seluruh Malaysia ialah 14,554 kilometer.
- (b) jumlah panjang jalan-jalan raya Persekutuan di negeri Sabah yang telah siap dibubuh tar ialah 945 kilometer.

(c) Jumlah panjang jalan-jalan Persekutuan di Sabah yang belum dibubuh tar ialah 111.52 kilometer. Jalan-jalan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Jalan Station TV Lama Mandau — 11.07 kilometer.
- (ii) Jalan Bakon — 5.70 kilometer.
- (iii) Jalan Station TV Tawau — 1.61 kilometer.
- (iv) Jalan Beaufort — Sendumin — 37.14 kilometer.
- (v) Jalan Beaufort — Menumbok — 56 kilometer.

(d) Kementerian Kerja Raya semanganya menyedari Lebuh Raya Beaufort-Mesapol sepanjang 38 kilometer dalam kawasan Parlimen Sipitang adalah satu-satunya jalan yang menghubungkan Sabah, Sarawak dan Brunei masih belum dibubuh tar sepenuhnya. Projek menaikkan taraf jalan utama iaitu Beaufort-Mesapol adalah dalam peringkat pelaksanaan. Pelaksanaannya dibuat dalam dua pakej, iaitu pakej pertama mengandungi dua kontrak di mana kontrak pertama melibatkan pembinaan sebahagian jalan Beaufort-Mesapol sepanjang 7 kilometer dan dijangka siap pada hujung tahun 1995. Kontrak kedua melibatkan pembinaan jambatan Marabah yang dijangka siap pada bulan Februari 1996.

Pakej kedua melibatkan pembinaan baki jalan Beaufort-Mesapol sepanjang 31 kilometer akan dilaksanakan pada tahun 1995.

- (e) Buat masa ini, JKR Sabah sedang menyediakan dokumen tender bagi pembinaan baki jalan tersebut. Mengikut perancangan, tender akan dipanggil pada bulan Oktober 1995 dan pembinaannya akan mengambil masa selama 2 tahun yang dijangka siap pada penghujung tahun 1997.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita tahu bahawa jalan raya ataupun lebuh raya adalah penting untuk memajukan sesuatu kawasan, terutama sekali di kawasan Timur Malaysia, iaitu Sabah dan Sarawak. Soalan saya, apakah sudah ada peruntukan untuk pelaksanaan Lebuh Raya Trans Borneo-Sabah-Brunei-Sarawak-Kalimantan?

Kedua, apakah Kerajaan bercadang untuk corporatise ataupun menswastakan Lebuh Raya Trans-Borneo-Sabah-Brunei-Sarawak-Kalimantan seperti yang ada di Semenanjung, iaitu di Lebuh Raya Utara-Selatan atau PLUS?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, kita sedang menjalankan pembinaan lebuh raya di beberapa tempat. Pada akhirnya kita akan menyambung untuk mengadakan satu lebuh raya sebagai Lebuh Raya Pan-Borneo. Lebuh Raya yang dinamakan sebagai Pan-Borneo boleh disambung dengan negara-negara yang berhampiran dengan-negara kita.

Yang kedua, kita tidak boleh mengenali penswastasaan lebuh raya di Sabah oleh kerana traffic volume tidak mencukupi. Traffic volume tidak mencukupi — syarikat-syarikat tidak berminat untuk mengambil kontrak seperti itu.

**Datuk Nurnikman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkaitan dengan jalan raya Persekutuan di Sabah yang belum lagi dibubuh tar seperti disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi, seperti jalan raya Beaufort-Menumbok sejauh 56 kilometer di kawasan saya, bolehkah Yang Berhormat Menteri menyatakan bilakah jalan raya ini boleh ditarkan?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini dalam jawapan saya, saya telah menetapkan bilakah jalan itu dapat disiapkan dan juga perkara ini telah diambil perhatian penting oleh Kerajaan Pusat. Saya suka memberi akuan kepada Yang Berhormat bahawa ini adalah dalam pertimbangan dan kerja ini akan dimulakan selepas tawaran — kita mesti jaga kawasan Yang Berhormat! (*Ketawa*)

#### PROGRAM TARBIIYAH — MATLAMAT

**5. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah yang dimaksudkan dengan program tarbiyah semula pemikiran masyarakat yang YB. dalam akhbar baru-baru ini;
- (b) apakah program ini ditujukan untuk menyelesaikan masalah lepak, penderaan dan keganasan rumah tangga serta lain-lain penyakit masyarakat yang amat serius sekarang ini; dan
- (c) kenapakah kerajaan tidak menganjurkan satu majlis muzakarah dengan pimpinan PAS dengan disertai oleh Pusat Islam, Majlis Fatwa Kebangsaan dan mana-mana pihak yang berkaitan bagi menye-

lesaikan tuduhan penyelewengan akidah terhadap ahli-ahli PAS atau mana-mana ahli parti politik yang lain.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Program Tarbiyah adalah program sepanjang hayat bagi umat Islam. Ia perlu dihidupkan terus bagi menjamin masyarakat berada dalam landasan yang betul. Mereka yang terpengaruh dengan satu-satu fahaman perlu diberi tarbiyah semula oleh kerana tarbiyah asal yang sebenar telah dicemari oleh satu-satu bentuk ajaran yang memesongkan fahaman mereka itu. Benih penyelewengan fahaman mereka itu telah melahirkan berbagai penyakit sosial termasuklah perpecahan dalam rumah tangga, keluarga dan berbagai lagi. Kumpulan ini perlu diselamatkan bagi memastikan masyarakat Islam hidup dalam rukun damai dan ajaran Islam tidak diperalatkan sesuka hati.
- (b) Proses tarbiyah adalah merangkumi aspek keimanan dan cara hidup. Namun, yang utama ialah menangkis fahaman yang salah dan menyeleweng dan memupuk keimanan yang tulen.
- (c) Sesuatu muzakarah hendaklah jelas matlamatnya dan hendaklah disertai oleh mereka yang ahli dalam perkara yang hendak dimuzakarakannya. Ahli sesebuah parti politik tidak layak membincangkan soal agama yang berkaitan dengan politik kerana wujud konflik keutamaan ke-

pentingan dalam dirinya. Dengan demikian, ia harus diserahkan kepada ahli ilmu agama untuk membincangkannya kerana mereka lebih objektif dan tidak terikat dengan kepentingan politik.

Mengenai penyelewengan akidah yang tersebar di kalangan pengikut fanatik parti PAS, ia adalah satu fenomena yang diketahui dan dirasai umum. Sesuatu yang telah nyata dan dapat dilihat dan dirasa tidak perlu didebatkan lagi sama ada ia wujud atau tidak. Masyarakat sendiri dapat merasai dan melihat kesan penyelewengan tersebut. Siapa boleh nafikan fenomena penceraian, pulau-memulau, kere-takan keluarga, ketegangan dalam masyarakat dan lain-lain fenomena lagi yang diakibatkan oleh penyelewengan ajaran Islam yang ditiupkan ke telinga dan hati masyarakat yang lurus dan jujur pegangan agamanya.

#### **FAMA — KAWALAN HARGA HASIL PERTANIAN**

**6. Dr. Ramli bin Taib** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah pihak Kerajaan bercadang untuk meminda Akta FAMA bagi membolehkan ia dapat bertindak sebagai sebuah agensi yang mempunyai authority untuk mengawal harga hasil-hasil pertanian di dalam pasaran.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini, Kerajaan tidak bercadang untuk menjadikan FAMA sebagai agensi bagi mengawal harga hasil-hasil pertanian di bawah bidang kuasa Kementerian Per-

tanian. Ini adalah kerana kita tidak berhasrat secara langsung untuk campur tangan dalam pasaran bagi meletakkan dan mengawal harga-harga pasaran hasil-hasil pertanian kecuali bagi komoditi padi yang mana harganya adalah dikawal dan ditetapkan oleh kerajaan atas dasar keselamatan makanan memandangkan padi adalah merupakan makanan asas rakyat Malaysia. Oleh itu, persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tidak timbul.

Walau bagaimanapun, kementerian ini akan terus berusaha melalui berbagai program bagi menggalakkan peningkatan pengeluaran hasil-hasil pertanian bagi memperseimbangkan dengan pertambahan permintaan, bukan sahaja bagi mempertingkatkan pendapatan pengeluaran, tetapi juga bagi membantu menangani masalah inflasi, khususnya bagi pengeluaran bahan makanan.

Namun begitu, Kementerian Pertanian, melalui berbagai program pemasaran dan promosi pemasaran yang dijalankan oleh FAMA adalah bertanggungjawab dan berusaha untuk menentukan hasil-hasil pertanian mendapat ruang pasaran dan kemudahan pasaran yang cukup dalam sistem edaran dan pemasaran hasil pertanian yang adil, cekap, telus dan transparent, dengan izin, dan beretika bagi menentukan petani-petani negara mendapat tawaran harga yang setimpal manakala pihak pengguna pula menerima harga belian yang munasabah dan barangan yang bermutu. Dengan demikian, kerajaan secara tidak langsung menentukan proses pasaran terbuka yang cekap dan adil beroperasi supaya tahap harga di pasaran adalah munasabah, saksama dan tidak berlaku manipulasi atau kuasa monopoli oleh mana-mana pihak.

**Tuan Kamarudin bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-

kah kerajaan mempunyai hubungan kerjasama yang rapat dengan negara-negara jiran bagi memastikan barang-barang pertanian ini dipasarkan dengan baik dan juga apabila kita perlu bahan-bahan pertanian ini ataupun bahan makanan ini bagi negara kita, kita dapat sumber daripada negara-negara jiran ini — umpamanya dalam ASEAN dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya rasa terkeluar itu. Soalan yang ditanya berkenaan dengan kerajaan bercadang atau tidak hendak meminda Akta FAMA.

#### **PUTRA JAYA SEBAGAI PUSAT PENTADBIRAN — JADUAL PERANCANGAN**

7. **Dr. Tan Seng Giaw** minta Perdana Menteri menyatakan rancangan dan jadualnya untuk menjadikan Putra Jaya (Prang Besar) sebagai bandar sambungan kepada Kuala Lumpur. Apakah keluasan dan perbelanjaannya. Apakah bilangan orang yang terbabit dengan pengambilan tanah dan pampasannya. Apakah Kementerian dan Jabatan yang akan dipindah ke bandar itu.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman):** Tuan Yang di-Pertua, Pusat Pentadbiran Putra Jaya telah dirancang oleh kerajaan sebagai Pusat Pentadbiran Persekutuan yang baru bagi menempat dan memindahkan jentera pentadbiran kerajaan dari Kuala Lumpur.

Keluasan keseluruhan tanah yang akan dibangunkan bagi pusat pentadbiran Putra Jaya ialah seluas 4,390 hektar. Bilangan pemilik tanah yang terlibat dengan pengambilan ialah 334 pemilik dan jumlah pampasan yang dibayar bagi pengambilan tanah ialah sebanyak RM695 juta.

Pusat pentadbiran ini telah mula dirancang pada bulan Julai 1992 dan akan dibangunkan mengikut fasa. Setiap fasa akan mengambil tempoh lima tahun iaitu seperti berikut:

<i>Fasa</i>	<i>Tahun</i>
Pertama	1996 — 2000
Kedua	2001 — 2005

Pembangunan fasa pertama mengandungi keluasan kawasan kerajaan sebanyak 389 hektar. Perumahan 1,510 hektar. Lain-lain kegunaan 644 hektar berjumlah 2,543 hektar keseluruhannya. Kawasan ini akan menyediakan seluas anggaran 500,000 meter persegi ruang pejabat dan 21,000 unit rumah. Anggaran kos perbelanjaan dijangka RM8.5 bilion. Rancangan terperinci bagi menentukan jumlah bangunan dan bilangan blok untuk pejabat-pejabat Kerajaan sedang dibuat oleh pakar perunding.

Adalah dicadangkan semua kementerian dan jabatan Persekutuan yang ada di Kuala Lumpur akan dipindahkan ke pusat pentadbiran Putra Jaya secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Semasa pembangunan dijalankan di Putra Jaya, sama ada kerajaan bercadang supaya satu perancangan yang menyeluruh melibatkan kawasan Bangi dan juga kawasan Serdang supaya dijadikan satu kawasan yang besar dalam masa akan datang ini.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, perancangan yang dibuat mengambil kira semua pembangunan di kawasan keseluruhan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Soalan tambahan. Memang rancangan bandar kembar Kuala Lumpur ini kalau dijalankan dengan baik, dengan efisien, dengan betul boleh membawa kesan yang baik untuk menyelesaikan pelbagai masalah di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, siapakah yang bertanggungjawab untuk menggubalkan pelan struktur kawasan ini dan adakah keluasannya akan ditambahkan pada masa hadapan daripada lebih 4,000 hektar ini kita tambahkan dan apakah akan terjadi dengan 600 keluarga itu; sama ada hanya pampasan yang disebutkan tadi diberi ataupun akan diberikan alternatif perumahan di kawasan yang lain. Kalau begitu, kawasan apakah yang ditetapkan untuk menempatkan mereka ini dan adakah Yang Berhormat sedar bahawa . . . . .  
(Disampuk)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat . . . . .

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, itu satu soalan yang belum habis lagi, kacau sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila. Sila teruskan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Belum habis lagi satu soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kepong, sila teruskan ya!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, memang sepertimana yang kita lihat dengan satu rancangan yang lain di Janda Baik, ada banyak orang menanggung di air keruh dan kemudian rancangan itu digugurkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat soalnya ya!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Soalnya adakah Yang Berhormat mengambil tindakan yang tegas untuk mencegah sebarang orang yang hendak menanggung di air keruh dan juga apakah status untuk Putra Jaya (Prang Besar) ini? Apakah status? Sama ada ini Wilayah Persekutuan ataupun . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dia faham. Saya pun faham.

**Dr. Tang Seng Giaw:** Saya takut dia tidak faham. (*Ketawa*)

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Doktor Kulit ini dia ingat engineer tidak boleh faham macam dia. (*Ketawa*) Ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat, bahawa kerajaan sememangnya seperti biasa menjalankan kerja-kerjanya dengan baik, efisien dan betul — bukan macam Pembangkang. Pampasan yang saya sebutkan tadi ialah untuk tanah yang luas. Pampasan khusus kepada 323 orang-orang perseorangan daripada 334 pemilik. Sebahagian besar tanah yang dimiliki oleh estet-estet. Bagi 323 orang yang terlibat, selain pampasan dibayar saya percaya peluang untuk penempatan alternatif ada jika diperlukan. Bahkan kawasan Putra Jaya yang saya sebutkan tadi ialah sebahagian daripada kawasan pembangunan yang menyeluruh yang melibatkan kawasan di dalam negeri Selangor.

Tentang menanggung di air keruh ini, saya percayalah kalau Yang Berhormat jaga kawan-kawan dia, kita tidak akan dapat orang-orang daripada Barisan Nasional yang menanggung di air keruh. Ini pandangan saya ingat itulah bagi menjawab soalan yang telah dikemukakan. Tentang jawatankuasa induk ini, jawatankuasa yang tersebut ialah Jawatankuasa Induk Bagi Menyelaraskan Pembangunan Pusat Pentadbiran Persekutuan di Putra Jaya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Statusnya itu. Dia bertanya status.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Statusnya, yang ini belum dibincangkan. Buat masa ini ianya masih satu tanah yang dibangunkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk penggunaan Kerajaan Persekutuan, tanah dalam negeri Selangor.

#### BARANGAN KOMODITI — FAKTOR MENYEBABKAN KENAIKAN HARGA

**8. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) punca berlakunya peningkatan harga barangan utama komoditi khususnya hasil getah dan kelapa sawit;
- (b) adakah kenaikan ini bersifat sementara sahaja dan jika ianya benar, apakah langkah-langkah yang telah/akan diambil oleh Kerajaan untuk memastikan kejatuhan harga barangan ini dapat diminimakan; dan
- (c) adakah kenaikan ini lebih menguntungkan hanya kepada golongan tertentu sahaja dan bukannya golongan peneroka/pekebun kecil.

**Menteri Perusahaan Utama (Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik):** Tuan Yang di-Pertua, punca berlakunya peningkatan harga barangan getah adalah disebabkan oleh faktor-faktor seperti berikut:

- (i) Kerana peningkatan pembelian dari negara pengguna dan tambahan permintaan itu tidak dapat dipenuhi oleh negara-negara pengeluar.
- (ii) Kenaikan harga getah tiruan.

Faktor-faktor di atas telah mewujudkan satu jurang bekalan yang tidak dapat dipenuhi oleh negara-negara pengeluar getah. Bekalan yang ketat serta permintaan yang meningkat mendorong ke arah peningkatan harga getah di pasaran antarabangsa.

Bagi komoditi kelapa sawit pula, faktor permintaan telah memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan harga minyak sawit. Faktor-faktor yang menyebabkan kenaikan harga minyak sawit adalah seperti berikut:

- (i) Peningkatan taraf hidup rakyat negara pembeli utama seperti Republik Rakyat China dan Pakistan;
- (ii) Misi perdagangan yang agresif dan berkesan yang dianjurkan oleh kerajaan yang telah berjaya menarik ramai pengguna antarabangsa menggunakan minyak sawit;
- (iii) Penggunaan strategi pemasaran yang baru oleh kerajaan untuk memasuki pasaran bukan tradisional;
- (iv) Kejayaan kerajaan memulihkan imej minyak kelapa sawit melalui usaha menangkis Kempen Anti Minyak Sawit;
- (v) Cuaca buruk di Amerika Syarikat yang menjejaskan pengeluaran minyak kacang soya; dan
- (vi) Penemuan penggunaan baru minyak sawit melalui pembangunan dan penyelidikan seperti kosmetik dan vitamin yang telah meningkatkan permintaan terhadap komoditi ini.

Peningkatan permintaan terhadap minyak sawit dalam situasi bekalan yang ketat telah mendorong harga komoditi ini terus meningkat di pasaran antarabangsa.

(b) Secara amnya harga komoditi adalah ditentukan oleh pengaruh permintaan dan penawaran di pasaran antarabangsa. Justeru itu kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk meminimumkan kejatuhan harga minyak sawit di pasaran antarabangsa. Antara lain, langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- (i) usaha-usaha akan dijalankan untuk memasuki pasaran baru bukan tradisional. Jika permintaan terus meningkat harga minyak sawit akan terus berada di peringkat sekarang.
- (ii) Kerajaan akan terus menggunakan strategi baru bagi menjamin minyak sawit tidak didiskriminasikan oleh negara-negara pengimport melalui pengenaan tarif. Usaha ini akan membuat minyak sawit dapat bersaing secara sihat dan adil demi untuk menjamin kedudukan minyak sawit di pasaran antarabangsa.

Bagi komoditi getah pula, kerajaan akan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) menggalakkan pemprosesan hiran bagi meningkatkan nilai tambah;

- (ii) menggalakkan pembentukan produk-produk baru iaitu peralihan daripada hanya tertumpu kepada pengeluaran General Rubber Goods (GRG) kepada Industrial Rubber Goods (IRG);
  - (iii) merasionalisasikan pengeluaran getah dengan kerjasama Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah (ANRPC); dan
  - (iv) menggalakkan penggunaan klon-klon baru untuk mendapatkan hasil getah yang lebih baik dan bermutu.
- (c) kenaikan harga komoditi getah dan kelapa sawit akan membawa keuntungan kepada semua golongan yang terlibat di dalam sektor ini.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, kesan daripada kenaikan harga kelapa sawit di peringkat antarabangsa, apakah usaha yang dibuat oleh pihak kerajaan agar kenaikan harga kelapa sawit di peringkat antarabangsa dapat dikurangkan untuk pengguna-pengguna dalam negeri. Saya merujuk kepada kesan minyak masak di mana harga minyak masak telah naik melambung tinggi kebelakangan ini. Apakah usaha yang diambil oleh pihak kerajaan supaya para pengguna dapat menikmati harga yang berpatutan, bukan harga yang rendah, harga yang berpatutan memandangkan negara Malaysia adalah pengeluar utama kelapa sawit dan kerana sebagai pengeluar utama adalah perlu bahawa mereka boleh menikmati harga yang lebih rendah daripada apa yang dieksport ke luar negara?

Yang kedua, saya juga ingin bertanya tentang tabung yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri supaya minyak masak dapat dikawal. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan butir lanjut tentang tabung yang telah disediakan?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, jika saya salah dengar ialah Yang Berhormat dari Kota Melaka minta bila harga kelapa sawit di pasaran antarabangsa adalah sangat tinggi, macam mana beliau minta saya mengurangkan harga itu. Ekonomik beliau sudah kelam-kabut. *(Ketawa)* Kita . . . . . *(Disampuk)* . . . . . duduk, duduk! Saya belum jawab semua lagi, duduk! *(Disampuk)* Saya hendak jelaskan. Kita sebagai pengeluar minyak sawit, saya berikan dia lecture dalam ekonomi, ya. *(Ketawa)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kota Melaka, cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Saya akan jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kota Melaka.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Kita, Malaysia sebagai pengeluar utama minyak sawit yang mengeluarkan 7.4 juta tan setahun dan kita hanya menggunakan atau memakan 300,000 tan sahaja. Tentulah pekebun-pekebun kecil dan ladang-ladang mereka hendakkan harga yang berapa tinggi untuk mendapatkan keuntungan kepada hasil mereka sebagai pengeluar.

Untuk pengguna di negara kita yang diharap tidak makan atau menggunakan minyak sawit yang diikuti dengan harga di antarabangsa, yang selalu naik, kita ada satu tabung yang disebutkan oleh

Yang Berhormat dari Kota Melaka untuk menstabilkan harga minyak masak di negara kita sendiri. Tabung ini sudah dijalankan sejak 15hb Januari tahun ini untuk menstabilkan harga minyak masak di negara kita dan sudah berjalan dengan lancar dan berjaya yang mana harga minyak masak di negara ini stabil walaupun harga minyak sawit di pasaran antarabangsa kian meningkat. Cukup?

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah Yang Berhormat, sudahlah.

#### **GURU BERIJAZAH — MASALAH KEBENARAN BERGIAT DALAM POLITIK**

**9. Tuan Hashim bin Ismail** minta Menteri Pendidikan menyatakan bagaimanakah kedudukan guru-guru berijazah dalam kegiatan politik negara ini. Adakah isu penglibatan guru-guru berijazah dalam kegiatan politik ini masih diteliti dan terus diperjuangkan ataupun tamat setakat ini sahaja selepas isu ini dihebohkan tidak lama dahulu.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini pihak Kementerian masih mematuhi arahan di bawah Peraturan 21 (1), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang melarang pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional melibatkan diri dalam politik.

Pihak Kementerian masih belum mencria apa-apa keputusan muktamad daripada Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai dasar baru untuk membenarkan guru berijazah bergiat dalam politik.

**Tuan Zainuddin bin Mohamad Nor:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Timbalan Menteri sedar bahawa terdapat ramai di kalangan guru-guru yang menyokong UMNO atau Barisan Nasional yang telah ditempatkan di sekolah-sekolah yang berkenaan hampir 20 tahun tanpa ditukarkan? Apakah Kementerian Pendidikan akan mengkaji kedudukan ini?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

#### **KAD PENGENALAN BARU (KPT) — PROSES MEMUDAHKAN PENUKARAN**

**10. Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) perkembangan terkini tentang pertukaran kad pengenalan;
- (b) jumlah (dalam %) yang masih belum menukar kad pengenalan lama kepada kad pengenalan baru;
- (c) apakah pihak kementerian ber-cadang untuk melanjutkan tarikh penukaran kad pengenalan; dan
- (d) apakah usaha-usaha serta langkah kementerian bagi memastikan supaya orang ramai mengambil inisiatif untuk menukar kad pengenalan mereka kepada kad pengenalan baru.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab bahagian—

- (a) sehingga bulan Mei 1995 sejumlah 8,798,834 permohonan kad pengenalan baru (KPT)

telah diterima oleh Jabatan Pendaftaran Negara dan daripadanya sejumlah 7,308,056 KPT telah siap dan dikeluarkan kepada pemohon. Daripada jumlah permohonan KPT yang diterima itu, terdapat 6,108,724 adalah merupakan permohonan pertukaran kad pengenalan plastik kepada kad pengenalan KPT. Jumlah pertukaran kad pengenalan ini merupakan 57.4% daripada jumlah keseluruhan pemegang kad pengenalan plastik yang masih aktif.

- (b) Kira-kira 4.55 juta ataupun 42.6% pemegang kad pengenalan lama ataupun plastik yang masih aktif belum lagi menukarkan kad pengenalan mereka kepada kad pengenalan baru.
- (c) Buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk melanjutkan tempoh pertukaran kad pengenalan tersebut. Semua pemegang kad pengenalan lama hendaklah mengemukakan permohonan penukaran kad pengenalan mereka di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sebelum 31hb Disember 1996.
- (d) Bagi memastikan orang ramai menukar kad pengenalan mereka kepada kad pengenalan baru, JPN telah mengambil beberapa langkah untuk memudahkan lagi proses penukaran tersebut. Antara langkah-langkah tersebut ialah:
- (i) Mengadakan unit bergerak untuk menerima permohonan secara berkelompok di tempat-tempat tertentu yang dikenal pasti seperti di kawasan-kawasan pedalaman, dewan orang ramai, pejabat-pejabat kerajaan dan swasta serta tempat-tempat tumpuan orang ramai seperti pasar raya, kompleks membeli-belah dan sebagainya.
  - (ii) Bagi perkhidmatan unit bergerak di kawasan pedalaman seperti perkampungan Orang Asli dan sebagainya, pasukan tersebut akan dilengkapi dengan kamera instant supaya dapat memberi kemudahan kepada orang ramai menyediakan gambar seperti mana yang diperlukan oleh Jabatan Pendaftaran Negara.
  - (iii) Selain dari itu, permohonan penukaran kad pengenalan, pemohon-pemohon tidak perlu lagi mengemukakan dokumen-dokumen sokongan seperti sijil kelahiran atau sijil warganegara, sebaliknya pemohon hanya perlu membawa kad pengenalan lama bersama-sama dengan tiga keping gambar dan setem sahaja.
  - (iv) Bagi membantu memudahkan pemohon, mulai pada akhir bulan ini (Jun 1995) satu borang permohonan baru, satu jenis borang lagi baru iaitu borang JPN 1/2A yang lebih ringkas dan senang digunakan bagi permohonan kad pengenalan baru akan diperkenalkan.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:**  
Tuan Yang di-Pertua, apakah kerajaan

tidak bercadang dalam kad pengenalan baru ini dimasukkan semula agama dalam kad pengenalan itu sebab rupa bangsa Malaysia sudah hampir sama, agama diletakkan dalam kad pengenalan itu supaya bila berlaku kemalangan dan sebagainya dapat kita kenal identiti ataupun misalnya orang tangkap khalwat, kadang-kadang dia mengaku orang bukan Islam (*Ketawa*) sedangkan orang itu orang Islam. Jadi, identiti kad itu perlu. Seperti di Singapura misalnya masih lagi ada yang beragama Islam ditulis dengan bahasa Jawi beragama Islam. Jadi, saya minta adakah pihak kerajaan bercadang memasukkan semula agama dalam kad pengenalan itu setelah rupa bangsa Malaysia sudah hampir sama sekarang ini.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya hasrat dan wawasan kerajaan ialah supaya pada suatu hari nanti orang Malaysia tidak berbeza-beza lagi kerana kita tempuh pada satu hari warga Malaysia takkan kita pergi ke belakang berbeza-beza lagi. Lagi pun kad pengenalan baru ini merupakan kad pengenalan yang maklumatnya semua disimpan dalam kod komputer. Tak payah kita semua tunjuk dalam kad itu. Pada satu hari nanti mungkin kad pun tak payah kita bawa, tekan butang sahaja sudah tahu siapa dia, apa dia punya agama dan sebagainya. Maka ia tidak sejajar dengan wawasan kita kalau kita semakin membezakan rakyat dari segi agama, warna kulit, bangsa dan sebagainya.

**Dr. Tan Chong Keng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri adakah Menteri-nya sedar bahawa proses pembuatan kad pengenalan bermutu tinggi itu masih mengambil masa yang panjang sehingga lebih kurang satu hingga satu setengah tahun pemohon itu belum dapat

lagi dan ini telah membangkitkan banyak masalah untuk pelajar-pelajar yang akan pergi ke seberang laut untuk melanjutkan pelajaran ataupun pihak peniaga-peniaga yang hendak tukar kad pengenalan baru kerana tanpa KPT itu Jabatan Imigresen hanya memberikan pasport antarabangsa satu tahun sahaja. Bolehkah Timbalan Menteri tolong jelaskan?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar beberapa kesulitan telah pun timbul dalam beberapa tahun kebelakangan ini terutamanya apabila rakyat jelata memohon kad pengenalan. Kerajaan terutamanya Jabatan Pendaftaran Negara telah pun mengambil langkah-langkah untuk mengatasinya, antara lain, pada masa kini sesiapa memohon menukarkan kad pengenalannya, kad lama itu tidak akan dikutip balik, tidak akan diambil oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Maknanya, pemohon itu boleh simpan kad itu untuk kegunaan sehari-harian tanpa menghadapi apa-apa kesulitan walaupun mungkin pemerosesan itu ambil lebih daripada satu tahun kerana sesuatu sebab yang tertentu.

Yang kedua, Jabatan Imigresen telah pun diarah oleh Kementerian Dalam Negeri supaya beri pasport lima tahun kalau mereka ada resit JPN 1/9 yang sah, yang merupakan dari segi undang-undang resit itu memang adalah kad pengenalan. Pada satu ketika peraturan dahulu memang Imigresen beri satu tahun. Ini telah pun diselaraskan. Tetapi bagi pemohon baru tidak timbul masalah lagi kerana kad lama sudah ada.

Untuk kad-kad yang begitu lama dahulu kerana ada beberapa kesulitan dari segi komputer dan sebagainya, semua itu telah pun dalam proses kita membaiki dan tidak akan timbul pada masa depan.

## SIDANG KEMUNCIAK SEDUNIA DI COPENHAGEN — PERANAN MALAYSIA

**11. Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil Sidang Kemuncak Sedunia bagi Pembangunan Sosial di Copenhagen baru-baru ini, peranan yang sudah dimainkan oleh Malaysia dan manfaat yang negara ini perolehi daripada sidang tersebut dan seruan Perdana Menteri supaya negara maju melupuskan sebahagian hutang negara-negara termiskin, negara manakah yang menunjukkan tanda positif dengan saranan tersebut dan adakah Malaysia juga bermohon supaya hutang luar negara kita ini juga turut dilupuskan oleh kerana hutang luar negara kita semakin bertambah dan membebankan.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dr. Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, Sidang Kemuncak Sosial dan Pembangunan di Copenhagen telah melahirkan dua dokumen yang mustahak iaitu Deklarasi Copenhagen (The Copenhagen Declaration) dan Pelan Bertindak (Plan of Action). Kedua-dua dokumen ini memberi penekanan ke atas kepentingan mengurangkan kemiskinan, kesepaduan masyarakat dan pekerjaan dalam pembangunan negara membangun. Malaysia menyokong kedua-dua dokumen ini dan delegasi Malaysia telah memainkan peranan aktif dalam perundingan pada peringkat menggubal dokumen berkenaan.

Sidang kemuncak tersebut telah memberi peluang kepada kita untuk menyuarakan pandangan kita mengenai isu-isu utama yang berkaitan dengan agenda pembangunan sosial. Dalam hubungan ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah mengatakan dalam ucapan beliau membangkitkan

persoalan ketidakadilan dan kesukaran-kesukaran yang dihadapi oleh negara-negara membangun, termasuk masalah hutang yang menyulitkan usaha mereka untuk membangun. Kerajaan Malaysia berpendapat bahawa kita perlu meningkatkan kesedaran rakyat negara-negara maju mengenai ketidakadilan ini supaya mereka dapat mempengaruhi kerajaan-kerajaan mereka untuk mengubahsuai dasar-dasar yang berkaitan. Objektif seumpama ini tidak dapat dicapai dalam masa yang singkat dan kita harus teruskan kerja-kerja ini di forum-forum antarabangsa untuk kebaikan negara-negara membangun amnya.

Dalam pada itu, sukacita saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pengalaman dan konsep pembangunan Malaysia dengan menitikberatkan keadilan sosial dan pembahagian yang saksama telah dianggap sebagai satu contoh yang sesuai untuk dirujuk oleh negara-negara membangun yang lain.

Mengenai pelupusan hutang luar, saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kumpulan 77 (Group 77) iaitu kumpulan negara-negara membangun telah membuat seruan supaya masyarakat antarabangsa mencari suatu penyelesaian yang berkesan tentang masalah hutang luar negara-negara membangun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, walaupun Malaysia menerima pinjaman dari pasaran terbuka dan institusi-institusi kewangan antarabangsa seperti Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia, namun Malaysia mempunyai kemampuan untuk membayar balik dan tidak dianggap sebagai sebuah negara yang menghadapi masalah hutang luar.

**JABATAN PERDAGANGAN DAN  
HAL EHWAL PENGGUNA DI  
LIMBANG — PENUBUHAN**

12. Tuan Michael Lisa Kaya minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwai Pengguna menyatakan jika ada rancangan untuk menubuhkan Jabatan Perdagangan dan Hal Ehwai Pengguna di bahagian Limbang, Sarawak, jika tidak, mengapa. Dan adakah bercadang untuk menambahkan jumlah pekerja yang sedang bekerja di Jabatan Perdagangan dan Hal Ehwai Pengguna di Miri yang buat masa ini kurang mencukupi untuk khidmat yang diperlukan oleh Miri dan Bahagian Limbang di Sarawak.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwai Pengguna (Dato' S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi matlamat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwai Pengguna untuk menubuhkan pejabat cawangannya di setiap Daerah dan Bahagian di seluruh negara bagi memudahkan semua pihak berurusan. Walau bagaimanapun, penubuhan pejabat-pejabat cawangan ini bergantung kepada keperluan dan kesesuaiannya.

Pada masa ini terdapat sebanyak 34 pejabat cawangan Bahagian Penguatkuasa yang mewakili kementerian di seluruh negara dan bilangan ini juga meliputi sebahagian besar daerah-daerah dan bahagian-bahagian. Bagi daerah-daerah dan bahagian-bahagian yang belum mempunyai pejabat cawangan kementerian seperti di Limbang, usaha sedang dibuat untuk menubuhkannya.

Berhubung dengan penambahan pegawai dan kakitangan di cawangan Miri pula, kementerian sedang mengambil

tindakan mendapatkan kelulusan kerajaan untuk menambah bilangan pegawai dan kakitangan bukan sahaja untuk kawasan Miri, tetapi bagi semua pejabatnya di seluruh negara. Penambahan pegawai dan kakitangan ini adalah perlu dalam usaha kementerian mengawal kenaikan harga barang-barang perlu untuk mencapai sasaran "Inflasi Sifar" dan khususnya memberi perlindungan sewajarnya kepada pengguna tanpa mengeneipkan kepentingan peniaga.

**BINTULU — RANCANGAN  
BEKALAN AIR/PENINGKATAN  
TARAF KESIHATAN**

13. Tuan Chiew Chiu Sing minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) terdapat beribu-ribu kaum Iban di Bintulu tinggal di kampung (tanah yang tiada sijil tanah) dengan tiada bekalan air serta keadaan yang kotor. Adakah kementeriannya mempunyai rancangan untuk membekalkan paip air kepada penduduk di setiap kampung;
- (b) sama ada kementeriannya mempunyai rancangan untuk meningkatkan taraf Klinik Daerah Kecil Bintulu seperti klinik-klinik di Sebauh, Pandang, Tubau dengan disediakan doktor sepenuh masa. Kalau ya, bila. Kalau tidak, mengapa; dan
- (c) Hospital Bintulu hanya mempunyai 5 doktor, seorang pakar dan 128 katil. Adakah kementerian bercadang untuk menambahkan bilangan doktor, pakar dan katil. Kalau ya, bila dan berapa. Kalau tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):**  
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bahagian Bintulu mempunyai 365 buah kampung dan 300 daripadanya telah disediakan dengan bekalan air oleh Kementerian Kesihatan. Sebanyak 40 buah kampung terpaksa dibantu dengan tangki-tangki air hujan kerana tidak mempunyai sumber air. Pada tahun 1995, sebanyak 9 buah kampung lagi akan dibekalkan dengan sistem bekalan air yang lebih sempurna dan yang selebihnya akan dilaksanakan pada tahun 1996.
- (b) Pada masa ini, Kementerian Kesihatan belum mempunyai rancangan untuk menempatkan pegawai-pegawai perubatan di klinik-klinik kesihatan yang disebutkan di atas. Ini kerana klinik-klinik tersebut tidak memenuhi syarat-syarat yang membolehkannya mempunyai seorang pegawai perubatan sepenuh masa. Walau bagaimanapun, pegawai perubatan berdekatan akan membuat lawatan berkala dari masa ke semasa bagi memberi rawatan dan pendidikan kesihatan kepada penduduk-penduduk di kawasan berkenaan.
- (c) Bilangan pegawai perubatan di Hospital Bintulu sekarang adalah selaras dengan beban kerja, manakala perkhidmatan kepakaran diberikan oleh pakar pelawat. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan merancang untuk membina mulai awal 1996 sebuah hospital baru dengan bilangan 300 katil. Hospital ini akan dilengkapi dengan kemudahan kepakaran.

**SEMINAR ISLAM DAN  
KONFUSIANISME — KESAN  
POSITIF**

**14. Tuan Robert Lau Hoi Chew** minta Perdana Menteri menyatakan kesan positif serta hasil daripada Seminar Islam dan Konfusianisme yang diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dialog ini merupakan seminar peradaban bertaraf antarabangsa yang cuba mencari titik pertemuan dan persamaan antara nilai-nilai kebaikan yang ada di dalam ajaran Islam dan dalam ajaran Konfusianisme.

Pihak penganjur iaitu Universiti Malaya mengharapkan dapat mencari formula persefahaman berasaskan nilai-nilai murni dan kemanusiaan yang terdapat dalam semua agama dan sistem etika khususnya bersumberkan ajaran Islam dan Konfusianisme.

Pada umumnya seminar tersebut telah berjaya membawa orang Islam dan penganut fahaman itu di negara ini duduk semeja bagi membincangkan nilai-nilai murni yang terdapat dalam kedua-dua ajaran berkenaan, dan ianya menjadi titik tolak penting dalam menjalin kerjasama, persefahaman dan memperbaiki hubungan di antara penganutnya.

**Tuan Chan Kon You:** Soalan saya, adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan seminar yang seumpamanya ini secara tahunan dan juga melibatkan bukan sahaja Islam dan Konfusianisme, tetapi juga melibatkan agama-agama yang lain? Itu soalan saya.

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Perbincangan peradaban serupa ini telah menjadi satu saranan

daripada perjumpaan itu supaya diadakan lebih kerap daripada yang ada, tetapi perlu diingat bahawa ini bukan perbincangan agama, tetapi lebih merupakan perbincangan peradaban.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa Pertanyaan-pertanyaan Jawab Mulut sudah selesai.

*(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 57 akan dijilid dalam buku berasingan).*

**Tuan P. Patto (Bagan):** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan P. Patto:** Tuan Yang di-Pertua, atas breach of privilege, dengan izin. Pada 12hb. Ahli Yang Berhormat dari Yan telah menggunakan kata-kata yang melanggar Peraturan Mesyuarat 36 (4) dan 36 (6), di mana beliau menggunakan perkataan "orang utan" terhadap diri saya dan juga perkataan-perkataan seperti "botol toyu"lah, "kicap". Perkara ini bukanlah perkara yang harus digelak ketawa kerana Dewan ini adalah Dewan yang mulia. Jadi, saya minta sahabat saya daripada Yan untuk tarik balik perkataan-perkataan itu dan saya tidak akan meneruskan perkara ini dalam Dewan dalam bentuk usul breach of privilege, kalau beliau enggan berbuat demikian, maka saya terpaksa . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah pun biasa membuat ruling berkenaan dengan perkara ini, iaitu setelah sesuatu kejadian yang dikatakan menghina (contempt) atau menggunakan perkataan-perkataan biadap yang telah pun disenaraikan, maka permohonan hendak menarik balik, minta maaf itu hendaklah dibuat dalam masa itu sahaja dan selepas daripada itu cara yang hendak dibuat ialah dengan

cara mengemukakan usul. Itulah satu petua ataupun ruling yang telah diperbuat dan telah pun terpakai selama 12 tahun yang lepas. Dengan yang demikian saya tidaklah dapat membenarkan perkara ini dibincangkan lagi dan jikalau sekiranya Yang Berhormat dari Bagan hendak mengeluarkan usul terpulanglah kepada beliau untuk berbuat demikian.

**Tuan P. Patto:** Saya terimalah hakikatnya, Tuan Yang di-Pertua, tetapi pada hari yang berkenaan apabila saya minta ia ditarik balik, Tuan Yang di-Pertua yang mempengerusikan pada ketika itu ialah Timbalan Yang di-Pertua, beliau mengatakan dia tidak dengar. Dan apabila saya mengatakan bahawa Tuan Speaker bolehlah dengar daripada tape pada hari esoknya, Timbalan Yang di-Pertua pada ketika itu pun bersetuju bahawa ia boleh didengar dan saya dapati dalam *Hansard* memang tercatat, bererti ia memang ada dalam rakaman. Itu sahajalah saya minta . . . .

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Tuan Chor Chee Heung):** *(Menyampuk)*

**Tuan P. Patto:** Bangun bercakaplah, jangan duduk bercakap Alor Setar! Hendak cakap bangun. Kalau minta maaf, saya minta tarik balik sahajalah, saya tidak akan memanjangkan perkara ini. Itu sahaja.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin (Yan):** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Yan kalau hendak berucap.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, memang tercatat dalam *Hansard*, tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya ini pantang dicabar, kerana apabila Yang Berhormat dari apa nama?

**Seorang Ahli:** Bagan.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** 'Bagan' — tidak nampak pun mana? (*Ketawa*) Daripada Bagan mengatakan pada saya "monyet", Tuan Yang di-Pertua. Jadi, . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah, Yang Berhormat-Yang Berhormat . . . .

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ada dalam *Hansard* juga, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya . . . . .

**Tuan P. Patto:** Saya tidak sebut siapa, cuba tengok dalam *Hansard*.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Saya tidak kata pun. Saya kata "botol kicap" bukan dia, yang dia marah fasal apa? (*Ketawa*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk Bagan, Bagan! Yan sila duduk, ya!

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1994 DAN 1995) 1995

#### *Bacaan Kali Yang Pertama*

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1994 dan 1995 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu; dibawa ke

dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali kedua pada Mesyuarat kali ini.

## USUL

### Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti ini dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Tuanku pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kesembilan." (*13hb. Jun, 1995*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Keningau sila sambung ucapan.

3.38 ptg.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau):** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya tidak ada seorang pun rakyat Malaysia yang tidak inginkan perpaduan atau sengaja mengamalkan perpecahan kaum dan keturunan yang akhirnya membawa kepada rusuhan kaum dan perang saudara seperti mana yang berlaku di beberapa negara lain.

Kita bersyukur kerana dalam perkara integrasi nasional negara Malaysia boleh dikatakan lebih maju daripada negara-negara lain. Walau bagaimanapun, tahap pencapaian ini belum lagi memuaskan. Apa yang perlu dilakukan pada masa kini ialah usaha yang lebih gigih dan jujur, khususnya dari golongan pemimpin-pemimpin politik dan juga penggubal dasar.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi pengetahuan umum bahawa usaha kerajaan untuk memupuk integrasi nasional sering kali tidak dibuktikan dengan rancangan-rancangan yang tepat pada matlamatnya dan juga sikap negatif beberapa pemimpin yang boleh menjadikan contoh kepada rakyat biasa. Dalam perkara ini corak politik Barisan Nasional . . . . .

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin (Yan):** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun di belakang itu.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Silakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada perjanjian, ya? (*Ketawa*)

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tadi Yang Berhormat dari Keningau bercakap tentang integrasi nasional dan sebagainya. Kelmarin Yang Berhormat telah bercakap berkenaan dengan Kerajaan Barisan Nasional tidak mendapat majoriti yang besar dari segi pengundi di Sabah dan juga di Kelantan. Adakah Yang Berhormat sedar atau Yang Berhormat telah lupa bahawa Yang Berhormatlah orang yang bertanggungjawab tentang 'Sabah for

Kadazan' atau 'Sabah for Sabahan'. Inilah isu yang dimainkan oleh Yang Berhormat sendiri dan juga parti PBS bagi memenangi hati rakyat Sabah terutama sekali orang Kadazan.

Di Kelantan, kita kena faham bahawa orang-orang Melayu di Kelantan ditakutkan dengan 'neraka'. Ini kerja pemimpin PAS yang jumud ini. Mereka menggunakan isu Islam. Jadi, isu-isu inilah yang dimainkan. Jadi, janganlah DAP, seperti kelmarin hendak mengatakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional menakutkan rakyat dengan isu 13 Mei. Kerajaan tidak pernah berbuat demikian. Semua ini adalah oleh sebab semangat perkauman PBS dan juga PAS serta juga DAP yang menyebabkan rakyat berasa bimbang dan takut. Yang Berhormat bersetuju atau tidak?

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak setuju — kerana amalan dan konsep Parti Bersatu Sabah (PBS) adalah berbilang kaum dan keturunan — ianya tidak menumpukan terhadap satu-satu kaum. Kalau di negeri Sabah kita berbuat demikian, tentu sekali kita tidak akan dapat mengambil sokongan daripada ramai penduduk di negeri Sabah dan apa yang kita lakukan melalui Parti Bersatu Sabah menggunakan konsep multi-rasionalisme. Ini adalah selaras dengan tujuan dan konsep Wawasan 2020 dan bukan seperti mana yang dilakukan oleh Barisan Nasional sekarang di mana konsep Barisan Nasional adalah tertumpu kepada polisi 'divide and rule'. Kita bertujuan untuk menyatu-padukan masyarakat dan bukan untuk memecahbelahkan masyarakat. Oleh kerana itu, kita tidak bersetuju bahawa apa yang mengurangkan . . . . .

**Tuan Noh bin Omar (Tanjong Karang):** (*Bangun*)

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran):** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun. Hendak beri jalan kepada Ahli dari Libaran?

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Belum lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ber-setuju, ya? Dia tidak beri jalan.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Apa yang menyebabkan kekurangan sokongan kepada Barisan Nasional ialah cara Barisan Nasional yang sebenarnya ialah memerintah di negeri Sabah ataupun dengan cara pendekatan di mana Barisan Nasional banyak membuat janji mulai daripada tahun 1963 lagi untuk membangunkan negeri Sabah. Tetapi kalau dikaji dari segi pembangunan, Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun di belakang. Hendak beri jalan atau tidak?

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Belum lagi, Tuan Speaker. Pembangunan yang kita nampak sekarang ini, sepatutnya kalau pihak Barisan Nasional betul-betul mahu memelihara negeri Sabah dan memberi pembangunan, takkan sehingga sekarang jalan-jalan raya yang besar yang di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan masih lagi belum siap dan baru tadi dibuat janji lagi oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya. Ini belum tahu lagi sama ada siap atau tidak. Janji buat universiti — sudah pun dibuat dalam tahun 1982 — sampai sekarang belum dilaksanakan. Masih lagi janji. Kalau kita tinjau jalan-jalan raya

besar daripada Kota Kinabalu pergi ke Sandakan, pergi ke Kudat amat buruk. Tidak ada pemeliharaan (maintenance). Inikah menunjukkan cara memimpin untuk kebaikan rakyat? Dalam pilihan raya baru-baru ini, tahun 1994 . . . . .

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Tuan Yang di-Pertua, tidak. Janji 100 hari yang dibuat oleh pihak Kerajaan Barisan Nasional tidak dapat dilaksanakan hinggalah bukan sahaja ekonomi bertambah baik tetapi ekonomi bertambah buruk pula sampai pihak orang ramai sekarang mengatakan Barisan Nasional ialah — barang naik. Fasal segala-galanya pun mahu naik — bayaran pergi hospital pun naik, tambang bas pun naik, beras pun naik. Jadi, ini menyusahkan masyarakat. Tidak hairanlah mengapa kekurangan bilangan ataupun peratusan sokongan daripada rakyat di seluruh negara Malaysia khususnya di Sabah dan juga di Kelantan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Datuk Mohd. Shafie bin Haji Afdal):** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Semporna bangun.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Tuan Yang di-Pertua, belum ada janji. *(Ketawa)* Lebih baik saya teruskan dahulu buat sementara waktu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Tuan Yang di-Pertua, sikap angkuh dan domineering serta penggunaan taktik-

taktik yang menakutkan rakyat begitu ketara sekali. Sering kali kelihatan undang-undang seperti ISA, OSA, ACA, Akta Hasutan dan lain-lain di salahkan untuk tujuan menakutkan rakyat atau membinasakan pihak lawan. Apabila begitu ketara bahawa tindakan-tindakan seperti ini ada bertujuan memperkukuhkan kekuatan Barisan Nasional dan pemimpin-pemimpinnya, maka akibatnya ialah penyelewengan proses demokrasi dan membawa akibat negatif kepada perpaduan nasional.

**Tuan Noh bin Omar:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun di belakang sana. Hendak beri jalan atau tidak?

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Dari kawasan mana itu, Tuan Speaker?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kawasan mana, Yang Berhormat?

**Tuan Noh bin Omar:** Tanjong Karang!

**Tuan Yang di-Pertua:** Tanjong Karang! Bukan dari Sabah (*Ketawa*)

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hendak minta penjelasan. Yang Pertama, tadi beliau sebut bahawa akta-akta yang disebutkan tadi seolah-olah menakutkan rakyat. Saya ingin mendapatkan penjelasan, daripada akta yang disebutkan, hanya satu akta sahaja yang tidak boleh dicabar di mahkamah, iaitu ISA. Akta Hasutan, Akta Rahsia Rasmi Kerajaan ini boleh dicabar di mahkamah. Mengapa perlu kita takut dengan akta-akta yang boleh kita cabar di mahkamah. Oleh itu, pihak pembangkang hanya pandai bercakap tetapi tidak mengkaji sama ada cakap itu betul atau tidak.

Yang kedua, hendak minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat mengatakan BN seolah-olah gagal menyatupadukan rakyat, itu maksudnya. Saya hendak bertanya, Pembangkang yang ada 9, 8, 7 dan 6 tak ramai pun, pada pilihan raya yang lepas telah bersatu, kali ini bercerai. Dalam jumlah yang sedikit ini pun hendak menentukan Ketua Pembangkang pun tak boleh. Jadi, bagaimana hendak mengajar Barisan Nasional, sedangkan pembangkang dengan bilangan kecil tidak boleh bersatu dalam menentukan Ketua pembangkang? Terima kasih.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Tuan Speaker, saya jawab yang kedua dahulu. (*Ketawa*) Dalam memainkan peranan pembangkang ini, bagi pihak saya yang sebenarnya saya belum berpengalaman lagi. Kali inilah kita belajar. Kali ini mungkin boleh berunding dengan pihak-pihak pembangkang yang lain, mungkin dapat bersatu padu, mana tahu. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Badruddin bin Amirudin:** Belum buat lagi?

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Tuan Speaker, tentu sekali untuk memupuk perpaduan ini adalah satu perkara yang mana kita ambil kira semua aspek. Saya rasa dalam sistem demokrasi kita, kita ada peranan untuk parti-parti pembangkang mengambil bahagian di dalam pembangunan dan juga semua aspek kemajuan di negara kita. Kalau tidak, ini bererti bahawa kita tidak ingin ada pembangkang. Adakah itu yang kita inginkan? Adakah kita inginkan satu parti sahaja memerintah di negara kita ini, sedangkan selalunya kita semua melaung-laungkan demokrasi, di mana melibatkan semua pihak. Sebab kita boleh mengambil bahagian, boleh mengeluarkan pendapat. Dan salahkah kalau kita mengeluarkan pendapat?

Inilah satu daripada sebabnya ada perselisihan faham di antara Parti Bersatu Sabah dan Barisan Nasional. Sebab kalau Parti Bersatu Sabah mengeluarkan pendapat menegur pihak Barisan Nasional mengenai dengan dua puluh perkara yang menuntut mengenai dengan hak-hak negeri Sabah, pihak Barisan Nasional mengatakan Parti Bersatu Sabah anti Federal, anti itu, anti ini, anti pembangunan dan sebagainya.

Jadi, apakah peranan sebuah parti, dan pada ketika itu dalam Barisan Nasional juga. Jadi, lebih-lebih lagi kalau pihak Pembangkang sekarang, tentu sekali kita tidak hairanlah kalau digelar sebagai parti anti Federal, anti pembangunan dan sebagainya. Kita terima, oleh kerana kita ini dalam parti Pembangkang. Walau macam mana pun, kita perlu memainkan peranan, dan mudah-mudahan kita dapat memainkan peranan dengan secara membina.

Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama tadi itu, saya tidak berapa ingat lagi apa yang dimaksudkan. Hanya saya ingat dia katakan seolah-olah kita tidak boleh membawa akta-akta ini ke dalam mahkamah. Ya, ini memang betul.

**Tuan Wee Choo Keong:** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila duduk dahulu, dia sedang menjawab.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Ini memang betul kita boleh. Apa yang saya tekankan di sini ialah bahawa penggunaan akta-akta ini kadang-kadang disalahgunakan untuk digunakan bagi menakut-nakutkan rakyat terutama sekali di kampung-kampung, di mana apabila pemimpin-pemimpin Barisan Nasional masuk ke kampung dia kata, "mesti

mengundi kepada Barisan Nasional, kalau tidak, nanti anak kita punya scholarship akan dibatal, kita punya anak di dalam hostel akan dikeluarkan . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti, ada yang bangun di sana, Yang Berhormat.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Afdal:** *(Bangun)*

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** . . . dan kalau mengenai dengan pegawai kerajaan akan ditukar pindah ke lain tempat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak beri jalan atau tidak, Yang Berhormat?

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Belum habis lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Belum habis lagi.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Inilah, banyak lagi contoh-contoh yang benar yang kita boleh sebutkan di sini, yang mana tujuan pihak Barisan Nasional itu hanyalah untuk menakut-nakutkan rakyat, terutama sekali pengundi-pengundi tempatan supaya mengundi kepada pihak Barisan Nasional.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Afdal:** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Semporna bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Kita tahu bahawa ada projek-projek yang sudah disampaikan kepada rakyat pada tempat itu dan ditayangkan di hadapan orang ramai dan dikatakan "kalau kamu undi baru kamu dapat, kalah tidak undi kamu tidak dapat." Kemudian kerana tempat itu kalau Barisan Nasional,

barang itu pun dihantar balik, tidak tahu ke mana. Jadi, . . . .

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Afdal:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Semporna bangun.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Silakan. Ini Sabah lawan Sabah. (*Ketawa*)

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Afdal:** Ini bukan Sabah lawan Sabah. Ini adalah merupakan hak. Sabah hendak memperjelaskan sesuatu khususnya mengenai pengalaman rakyat Malaysia di daerah Semporna tentang apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat dari Keningau tadi, khususnya mengenai dengan ugutan terhadap yang dinyatakan tadi. Minta penjelasan di tempat dan keadaan dia. Ini kalau tidak silap saya bukan Kerajaan Barisan Nasional yang melakukan. Dahulu bila pemerintah PBS memegang teraju kepimpinan, saya pernah menjadi pegawai kerajaan, "kalau tidak . . . . dipindah ke tempat-tempat yang jauh dan tepencil", inilah paksaan yang telah dibuat kepada kita bila tidak menyokong PBS.

Apakah fakta-fakta yang kuat yang menyatakan bahawa parti PBS telah mendapat sokongan yang cukup besar di negeri Sabah, sedangkan di dalam pilihan raya yang telah lalu Barisan Nasional memperolehi 228,000 undi berbanding dengan tahun 1990 kita hanya memperolehi 75,000? Manakala bilangan kerusi yang telah diperolehi oleh Barisan Nasional menjangkau ke tahap 14 kerusi, berbanding dengan 6 kerusi. Maknanya ada peningkatan dari segi 6 kerusi, berbanding dengan parti PBS dahulu mempunyai 12 kerusi. Adakah yang dinyatakan oleh Yang

Berhormat dari Keningau bahawa sebahagian besar rakyat Malaysia di negeri Sabah telah menerima kepimpinan parti PBS? Sekian.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya memang Parti Bersatu Sabah diterima oleh sebahagian besar rakyat tempatan. Tetapi apa yang telah mengakibatkan kekurangan kerusi Parti Bersatu Sabah dalam pilihan raya tahun 1994 dan 1995 adalah kerana banyak "pengundi-pengundi hantu" yang diwujudkan, yang mana digunakan orang-orang asing, di mana orang-orang asing ini walaupun dia . . . .

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran):** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Libaran bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** . . . hanya datang dua minggu atau tiga minggu . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Libaran bangun. Hendak beri jalan atau tidak.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Tidak beri jalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tidak akan beri jalan kepada sesiapa selepas ini.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Saya mahu habiskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Saya akan sentuh juga dalam ucapan saya ini. Tuan Yang di-Pertua, banyak rakyat asing telah digunakan, dijadikan sebagai

“pengundi hantu” diberi kad pengenalan biru, diberi borang resit pengenalan sementara untuk digunakan pergi mengundi. Sedangkan kalau dikira betul-betul orang-orang ini banyak yang tidak tahu bahasa pun, tidak tahu cakap. Yang pergi mengundi di Keningau misalnya kebanyakan orang ini tidak tahu di mana hendak pergi, mereka dibawa sahaja. Mereka yang pergi mengundi didapati banyak yang ditolak. Ada yang pusing satu kali lagi, pergi lagi, pasal dia ada dua, tiga kad pengenalan ataupun resit.

Jadi, kalau beginilah cara kita untuk mengamalkan sistem demokrasi pilihan raya kita, tentu sekali Barisan Nasional sahaja yang menang. Dan rakyat tempatan yang sengsara oleh kerana kita mengharapkan sistem demokrasi yang betul, yang tulen dengan menggunakan rakyat Malaysia, warganegara Malaysia sebagai pengundi, bukan menggunakan ‘pengundi-pengundi hantu’.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh perkara ini kemudian, saya akan meneruskan ucapan saya buat sementara waktu.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi perkara politik perkauman, sudah menjadi hujah biasa, pemimpin-pemimpin Barisan Nasional bahawa parti-parti lawannya konon yang mengamalkan politik perkauman dan fahaman sempit. Dalam perkara ini Parti Bersatu Sabah (PBS) turut menjadi sasaran, kritikan dan tuduhan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Mereka lupa bahawa parti-parti utama dalam Barisan Nasional ialah parti-parti perkauman yang secara terbuka memperjuangkan kepentingan politik dan ekonomi suku kaum yang diwakili oleh parti tersebut seperti parti UMNO untuk Melayu, parti MCA untuk Cina, parti MIC untuk India.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, Parti Bersatu Sabah sebenarnya ialah sebuah parti yang berjuang atas konsep dan prinsip multi-racialisme iaitu berdasarkan kepada kepercayaan murni bahawa negara Malaysia ini terdiri daripada berbilang kaum yang harus bersatu-padu melalui semangat hormat-menghormati dan sikap sederhana. Konsep dan matlamat perjuangan politik Parti Bersatu Sabah adalah sebenarnya lebih luas, lebih maju dan lebih tinggi tahapnya daripada style politik yang diamalkan oleh Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kerana konsep Barisan Nasional sekarang ini mengamalkan polisi British dahulu ‘divide and rule’ dan bukan untuk menyatu-padukan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, maka dalam perkara ini adalah menjadi harapan kita supaya pemimpin-pemimpin Barisan Nasional akan bertindak dengan lebih bertanggungjawab dan jujur supaya matlamat dasar kerajaan seperti perpaduan nasional akan menjadi kenyataan dan bukan pula ‘lain di bibir lain di hati’ iaitu dengan sekadar ‘nenanam tebu di tepi bibir’. Hal ini amat penting kerana usaha dan tindakan kerajaan haruslah konsisten dengan dasar yang diamalkan jika matlamat sesuatu dasar seperti Wawasan 2020 tersebut ingin dicapai khususnya dari segi menyatu-padukan rakyat jelata negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong apabila menyentuh tentang keputusan Pilihanraya Umum telah juga mengeluarkan rasa senang hatinya bahawa Pilihanraya Umum yang berlangsung baru-baru ini telah berjalan

dengan lancar tanpa berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini. Pada keseluruhannya, saya bersetuju dan turut gembira.

Tuan Yang di-Pertua, hanya dukacita dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa perjalanan pilihan raya di negeri Sabah sebenarnya tidak begitu memuaskan. Dan hampir-hampir berlakunya perkara-perkara yang tidak diingini khususnya di kawasan Keningau dan di kawasan Kinabatangan. Sebenarnya ada kejadian yang tidak diingini di Keningau di mana dua orang penyokong kita telah ditikam oleh yang disyaki orang-orang asing, dan ini sudah pun dilaporkan kepada pihak polis.

Tuan Yang di-Pertua, proses demokrasi dalam Pilihanraya Umum seharusnya berasaskan keputusan rakyat warganegara Malaysia dan yang tinggal di Sabah. Tetapi apa yang telah berlaku di negeri Sabah? Baik dalam Pilihanraya Negeri dalam tahun 1994 ataupun Pilihanraya Umum Parlimen pada tahun 1995 adalah bertentangan dengan proses demokrasi dan prinsip demokrasi. Penggunaan 'pengundi-pengundi hantu' atau 'phantom voters', dengan izin, telah berleluasa.

Tuan Yang di-Pertua, ini bererti bahawa ada orang-orang asing yang bukan warganegara Malaysia yang telah dibekalkan dengan kad pengenalan biru sama ada palsu atau betul atau Borang JPN 1/9 Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia iaitu resit pengenalan sementara, dengan menggunakan nama pengundi tempatan atau dengan menggunakan nama-nama yang direka, yang dimuatkan dalam Buku Daftar Pemilih dan mereka dibenarkan pula pergi mengundi. Walhal mereka itu adalah orang-orang asing.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan mereka ini dibekalkan dengan kad pengenalan biru atau resit pengenalan sementara walaupun mereka ini baru mendarat secara haram tiga minggu ataupun tiga bulan sahaja ke tanah air Malaysia di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, ada yang sampai dibekalkan dengan tiga kad pengenalan atau tiga resit pengenalan sementara Borang JPN 1/9 dan mereka boleh mengundi sampai tiga kali di berlainan tempat ataupun berlainan kawasan.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sebabnya bas-bas mini dari Kota Kinabalu yang singgah dahulu di Bangunan Kuwasa boleh berpindah-pindah pergi ke Petagas, Likas dan kemudian ke Kudat ataupun kawasan yang lain. Dan mereka dibayar duit untuk mengundi calon Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, kalau pilihan raya adil, kita tidak mempertikaikan keputusan pilihan raya itu. Kita terima dengan baik asalkan keputusan daripada warganegara Malaysia, ini pula bercampur aduk dengan rakyat asing yang telah digunakan sebagai alat untuk mengundi.

Tuan Yang di-Pertua, ini salah dari sisi undang-undang dan membahayakan keselamatan negara dalam jangka panjang. Saya sudah menerangkan kepada pihak Kerajaan Persekutuan tentang bahaya yang akan timbul jika sekiranya ini tidak dikawal terutama sekali memasuki secara haram rakyat asing. Pasukan petugas khas Kerajaan Persekutuan telah pun dibentuk tetapi tidak kelihatan kesan produktivitinya atau kesan positif daripada pasukan petugas khas ini. Sehingga sekarang tidak ada pengetahuan umum berapakah rakyat asing yang sudah dihantar balik ke negara masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan 'pengundi-pengundi hantu' ini adalah satu perkara yang amat membahayakan bukan sahaja kepada sistem demokrasi kita di negeri Sabah bahkan juga ketenteraman keadaan kita di seluruh Malaysia. Cara penggunaan 'phantom voters', dengan izin, telah pun dibuat dengan secara sistematik dan 'with deliberate planning over the years', dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Banyak bukti-bukti yang sudah dibawa ke Mahkamah Majistret di mana ramai orang asing yang mempunyai kad pengenalan palsu didenda atau dihukum penjara dan yang ternyata ada pun yang sudah mengakui mengundi dengan menggunakan kad pengenalan palsu itu.

Tuan Yang di-Pertua, yang ganjilnya pula, ada yang mengatakan projek ini adalah 'projek Mahathir'. Saya kata: "Mustahil! Perdana Menteri mana mahu perkara begini berlaku, kemungkinan dia tidak tahu-menahu pun perkara pengeluaran kad pengenalan biru dibekalkan kepada orang asing yang bukan warganegara Malaysia dan seterusnya dijadikan sebagai pengundi".

Saya harap melalui ucapan di Dewan yang mulia ini, semua kita Ahli-ahli Yang Berhormat berkongsi pengetahuan ini supaya kita boleh memikirkan bagaimana membanteraskan perkara ini daripada terus berlaku. Saya percaya kehadiran orang-orang asing yang datang ke Semenanjung khususnya di Kuala Lumpur ini sudah pun meningkat ke tahap yang merunsingkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat kes budak Jerman yang datang ke negeri Sabah beberapa tahun dahulu di mana budak yang di bawah umur 21 tahun itu telah melancong bersama dengan bapanya ke negeri Sabah. Apabila tempoh visit pass mereka sudah tamat, bapa budak Jerman itu balik ke

negara asalnya. Hanya budak Jerman ini enggan turut bapanya balik kerana dia sudah jatuh cinta dengan seorang gadis daripada Tenom. Budak Jerman menghilangkan diri untuk mencari dan menemui gadis Tenom itu. Apabila pihak Imigresen mencari budak Jerman ini, budak ini ditemui di rumah seorang rakyat tempatan di Beaufort dan didapati bahawa budak Jerman ini sudah mempunyai kad pengenalan biru dan mengikut apa yang terbukti di mahkamah majistret, budak Jerman itu sudah pun memohon mendaftarkan nama sebagai pengundi.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian seperti inilah yang tidak menggambarkan sistem pendaftaran nama pengundi kita di Malaysia khususnya di Sabah boleh diharap atau dipercayai. Sistem pendaftaran khususnya prosedurnya harus dikaji semula dan, Tuan Yang di-Pertua, untuk membantu dalam review ini, saya ada beberapa cadangan yang saya akan bentangkan sebentar lagi.

Sebelum itu, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada cara menggunakan nama-nama pengundi tempatan, ada juga nama-nama pengundi baru yang tidak berkaitan dengan manusia pun yang sebenar yang ada di dalam senarai buku daftar pengundi. Ini hanya nama rekaan dengan tujuan nama-nama rekaan ini boleh digunakan bila-bila masa sahaja. Nama-nama ini adalah palsu dan tidak seharusnya ada di dalam senarai buku daftar pemilih kerana nama-nama itu rekaan. Ini bererti bahawa orang-orang asing yang digunakan bagi kali pertama bila mereka sudah balik ke negara asal, seorang lain yang baru boleh menggunakan nama itu yang direka sebagai pengundi untuk orang asing yang baru itu untuk menggunakannya pergi mengundi.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya buat cadangan-cadangan yang membina, izinkan saya menyampaikan sebagai bukti bahawa banyak nama-nama pengundi atau yang memegang kad pengenalan biru bernombor I.C. yang sama. Senarai ini adalah di dalam tangan saya di mana senarai ini adalah berjumlah 111 dan senarai ini menunjukkan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa ada dua orang yang menggunakan I.C. yang sama seperti yang pertama di sini, Halimah binti Nuali, nombor kad pengenalan H0460191 dari Tuaran dan ada juga orang yang tidak diketahui dan di sini adalah orang asing yang menggunakan nombor kad pengenalan nombor yang sama, H0460191, namanya Sofia binti Basinelok. Dan begitu juga yang kedua di sini, nama, Salathia binti Lias, nombor H0677119, Kota Belud. Dan di Kunak, ada seorang bernama Evelyn Kasaiyuran juga menggunakan nombor H0677119. Begitu juga dengan yang ketiga ini. Soo Choy Kiau, nombor H0106658 Semporna. Ada seorang pula menggunakan nombor yang sama H0106658 dengan nama Hassan bin Omar.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya ingin supaya butir-butir ini dimuatkan di dalam *Hansard*, kalau tidak saya terpaksa baca 111 nama-nama ini yang ada dalam senarai ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, saya rasa tidak payah baca semua.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Boleh saya masukkan ke dalam *Hansard*? Fasal ini bukti dan sepatutnya semua perlu tahu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat telah pun memberi dua, tiga contoh tadi. Saya rasa itu memadai, Yang Berhormat.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Biasanya kalau tidak dimuatkan, senang sahaja orang lupa dan tidak ada dalam rekod pula.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat boleh kemukakan kepada saya.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Saya kemukakan, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya di sini ingin menunjukkan bahawa ada 3 orang yang telah menyampaikan fotokopi kad pengenalan sebagai satu contoh menunjukkan bahawa dia memegang kad pengenalan yang sama dengan nombor kad pengenalan yang dipunyai oleh orang lain dan satu daripadanya ialah yang disenarai nombor 60 di sini, Puan Siti binti Labang yang menggunakan nombor H0449112. Dia telah menyampaikan fotostat kad pengenalannya dan ini yang sebenar kita syaki sebagai kad pengenalan yang palsu dan di samping itu, lain orang yang menggunakan kad pengenalan nombor yang sama H0449112 yang bernama Delias binti Kifanus, Pantai Manis. Dan ada dua lagi. Satu, yang disampaikan oleh pemegang kad pengenalan H0284463 yang bernama Bokmar binti Makaidik dan di samping itu yang mempunyai kad pengenalan yang sama dari Kiulu ialah bernama Lambioi binti Gapik. Ini senarai nombor 81 dan yang ketiga, orang yang bernama, yang menggunakan H0620213 yang bernama Abu Bakar bin Basini telah menghantarkan gambar kad pengenalannya dan yang dipunyai nombor yang sama oleh Chong Yan Mei di Kudat. Ini senarai nombor 80.

Jadi, semua di sini adalah 111 nama dan nombor yang saya akan serahkan untuk dimuatkan di dalam *Hansard*.

Tuan Yang di-Pertua, disebabkan kita ingin membantu untuk meninggikan imej Suruhanjaya Pilihanraya supaya apabila kita mengadakan pemilihan ataupun pilihan raya di negeri ataupun di seluruh negara, rakyat di mana-mana dan juga pemerhati-pemerhati boleh percaya dan senang hati melihat keputusan kerana itu kita ada beberapa cadangan dan saya rasa cadangan-cadangan ini adalah untuk kebaikan kerajaan.

Jadi, di sini, saya mulakan dengan cadangan yang pertama. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah berkaitan dengan pendaftaran pemilih yang lebih terkawal di mana latar belakangnya adalah seperti berikut — adalah didapati bahawa setiap kali gerakan pendaftaran pemilih dijalankan di negeri Sabah, para pegawai pengurus dan lain-lain pegawai yang ditugaskan sebagai pendaftar sering memberitahu orang ramai borang-borang permohonan menjadi pemilih iaitu Borang “A” tidak mencukupi dan bekalan yang sampai ke tangan mereka adalah terhad. Pemerhatian ke atas unit-unit pendaftaran di setiap kawasan pilihan raya juga menghasilkan fakta bahawa Borang “A” amat sedikit yang dikeluarkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama, apabila hasil gerakan pendaftaran mengenai dengan senarai “B” dipamerkan kepada umum, adalah didapati bahawa jumlah nama yang tersenarai kadangkala menjangkau beberapa kali ganda berbanding dengan jumlah Borang “A”. Keadaan serupa ini menimbulkan syak wasangka dan kecurigaan bahawa mungkin ada pihak ketiga yang bukan dilantik sebagai pegawai pendaftar atau pegawai pilihan raya yang telah memperolehi ribuan Borang “A”, kemudian membuat pendaftaran mereka sendiri, lebih-lebih lagi manakala kesaksian ke atas permohonan di atas Borang “A”

boleh dibuat oleh siapa sahaja warga-negara yang berumur 21 tahun ke atas.

Kehadiran tidak kurang daripada 750,000 pendatang asing di negeri Sabah dan tindakan segelintir rakyat Malaysia yang mengambil kesempatan menyediakan dan menjual kad pengenalan biru, sama ada untuk kepentingan politik atau kepentingan kewangan kepada pendatang asing ini memburukkan keadaan dan merumitkan lagi usaha memastikan daftar pemilih di Sabah bersih daripada penyusupan yang menggerunkan ini. Fenomena serta gejala ini telah mula menjejaskan keyakinan orang ramai terhadap keberkesanan sistem yang ada sekarang.

Cadangan Tuan Yang di-Pertua adalah seperti berikut:

- (i) dalam kes negeri Sabah, setiap pemohon menjadi pemilih hendaklah menandatangani permohonannya, iaitu Borang “A” di hadapan pegawai pendaftar dan saksi hendaklah sama ada Ketua Daerah, Ketua Anak Negeri, Ketua Kampung atau Kapitan Cina yang akan menurunkan cop rasmi jawatannya;
- (ii) setiap saksi hendaklah membuat deklarasi bahawa dia faham dan tertakluk kepada seksyen 3, Akta Kesalahan-kesalahan Pilihanraya 1954;
- (iii) SPR hendaklah membenarkan, selagi dia tidak mengganggu secara tidak berpatutan, mana-mana individu yang ingin memerhati dan mengawasi proses pendaftaran pemilih itu;
- (iv) SPR hendaklah, melalui pegawai pendaftar, membekalkan kepada

mana-mana individu atau organisasi yang memohon sedemikian, pada bila-bila masa, maklumat-maklumat seperti berikut:

- (a) jumlah Borang "A" yang diterima bagi seluruh kawasan pilihan raya di bawah jagaannya dengan angka siri Borang "A" itu sekali;
- (b) jumlah Borang "A" yang telah dikeluarkan olehnya kepada setiap unit pendaftaran di bawah jagaannya dengan angka sirinya sekali;
- (c) jumlah Borang "A" yang telah digunakan dengan pecahan maklumat menurut unit pendaftaran dan angka siri Borang "A" yang terpakai; dan
- (d) pecahan permohonan menurut locality dan kawasan pilihan raya. Bagi permohonan pendaftaran sebagai pengundi baru, Borang "A" hendaklah disiasat rapi untuk memastikan kesahihan kerakyatan pemohon. Penyiasatan ini amat perlu memandangkan terlalu banyak kad pengenalan palsu telah jatuh ke tangan para pendatang asing di negeri Sabah.

Perkara kedua, cadangan berkaitan dengan proses bantahan yang lebih berkesan. Tuan Yang di-Pertua, latar belakang seperti berikut — Tempoh pameran Senarai "A", Senarai "B" dan Senarai "C" untuk bantahan umum adalah 14 hari. Namun begitu, hanya satu salinan daftar pemilih yang dipamerkan di Pejabat-pejabat Daerah. Ini menyukar-

kan para pemilih memeriksa, lebih-lebih lagi dalam keadaan geografi dan perhubungan negeri Sabah yang luas. Para pengundi diharapkan datang secara peribadi menyemak daftar pemilih di Pejabat Daerah, sedangkan mereka tinggal berjauhan di tempat-tempat yang terpencil dalam daerah mengundi masing-masing.

Kedua, adalah diperhatikan bahawa dokumen-dokumen bantahan yang lain seperti Borang "D" juga agak sukar diperolehi. Tempoh untuk memperolehi dokumen-dokumen yang perlu agak lambat dan kerap kali apabila diperolehi, tempoh bantahan juga telah berlalu.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan saya adalah seperti berikut:

- (i) setiap pegawai pendaftar hendaklah dibekalkan dengan salinan daftar pemilih, iaitu Senarai "A", Senarai "B" dan Senarai "C" yang cukup. Daftar pemilih tersebut bolehlah dijual kepada individu atau organisasi yang berkehendakkannya;
- (ii) tempoh memperolehi daftar pemilih tersebut hendaklah diasingkan daripada tempoh bantahan, iaitu 14 hari yang telah ditetapkan;
- (iii) Borang "B" bolehlah dibuat sendiri oleh pembantah, tetapi menurut format dan mengandungi maklumat-maklumat yang sama seperti yang telah ditetapkan dalam Jadual Election Registrational of Elector's Regulations 1971, dengan izin. Borang "D" yang dibuat sedemikian hendaklah mempunyai kesan dan kuat kuasa yang sama dengan Borang "D" yang dibekalkan oleh SPR;

- (iv) daftar pemilih hendaklah juga dipamerkan di setiap daerah mengundi demi kemudahan orang ramai di daerah mengundi yang berkenaan. Ini akan membolehkan pengundi membuat bantahan yang lebih bermakna.

Tuan Yang di-Pertua, kertas cadangan ketiga adalah berkaitan dengan bantahan dan semakan ke atas Senarai "A" di mana latar belakangnya adalah seperti berikut — Dalam konteks negeri Sabah, adalah menjadi satu rahsia terbuka bahawa daftar pemilih yang ada sekarang ini banyak mengandungi nama-nama mereka yang amat disyaki kesahihan kad pengenalan, kerakyatan dan permastautinan seperti mana yang mereka isytiharkan. Beberapa kes di mana tertangkap dan terdakwanya beberapa orang rakyat asing yang memiliki kad pengenalan biru palsu dan mengundi dalam pilihan raya Februari tahun 1994 yang lalu telah dilaporkan dalam akhbar-akhbar.

Beberapa pengakuan umum yang telah dibuat oleh para pendatang asing, sama ada dalam akhbar, apabila diberkas oleh polis atau semasa bantahan baru-baru ini turut ditonton oleh rakyat jelata negeri Sabah. Namun begitu, kesemuanya ini hanyalah setitik air di lautan. Semasa Seminar Jurulatih Pilihanraya anjuran SPR di Hyatt Kinabalu International Hotel di Kota Kinabalu beberapa bulan yang lalu, Yang Berbahagia Dato' Setiausaha SPR sendiri telah mengakui dan kami ada merakamkan percakapan itu bahawa tidak kurang dari 10% daripada mereka yang turun mengundi semasa Pilihanraya Umum Februari 1994 adalah "pengundi hantu" atau "phantom voters" yang diragui pengenalnya.

Tuan Yang di-Pertua, jika 75% daripada 650,000 pengundi yang terdaftar di

negeri Sabah turun mengundi pada pilihan raya yang lepas bermakna lebih kurang 500,000 pengundi telah turun mengundi dan ini juga bermakna tidak kurang daripada 50,000 pengundi hantu telah menentukan corak politik negeri Sabah. Ini selanjutnya bermakna purata 1,000 pengundi hantu telah mengundi di setiap 48 kawasan pilihan raya negeri Sabah. Dengan erti kata yang lain, masalah pengundi hantu dan kad pengenalan yang dikeluarkan dengan cara yang tidak berlandaskan lunas-lunas undang-undang amat berleluasa di negeri Sabah.

Dalam proses bantahan ke atas daftar pemilih yang kini sedang berjalan/baru-baru lalu, kecuali bagi maksud mengeluarkan nama-nama mereka yang sudah mati, kesemua Pegawai Pendaftar telah menolak bantahan ke atas senarai 'A' tanpa membentangkannya dalam penyiasatan umum (public enquiry). Alasan-alasan yang diberikan adalah seperti berikut:

- (a) bantahan ke atas nama-nama yang terdapat dalam senarai 'A' sekarang ini seharusnya telah dibantah pada tahun-tahun sebelum ini.
- (b) hanya orang yang punya nama boleh membantah ke atas ke-masukan namanya sendiri atas alasan berpindah tempat kediaman.
- (c) nama-nama yang terdaftar dalam senarai 'A' telahpun mengundi pada pilihan raya yang lepas, oleh itu mereka adalah sah.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua ini telah dibuat oleh Pegawai Pendaftar tanpa mengambil kira kaedah undang-

undang yang sungguh jelas memper-  
untukkan bahawa senarai 'A' juga boleh  
dibantah dan disemak. Alasan yang  
terkandung dalam perenggan 1.7 (c) di  
atas amat memalukan SPR kerana ianya  
bernada seolah-olah mengatakan  
"semasa saya mencuri dahulu, saya telah  
tidak tertangkap, oleh itu jika saya  
mencuri sekarang saya tidak boleh  
ditangkap dan perbuatan saya itu adalah  
halal di sisi undang-undang". Kerana  
semua ini, Tuan Yang di-Pertua, kita  
mempunyai beberapa cadangan.

- (1) SPR hendaklah mengarahkan  
para Pegawai Pendaftar dan Pe-  
gawai Menyemak untuk mem-  
benarkan bantahan ke atas Se-  
narai 'A' dan membentangkan  
bantahan-bantahan itu untuk  
penyiasatan dalam penyiasatan  
umum (public enquiry) selaras  
dengan kehendak Election (Re-  
gistration of Electors Regu-  
lations) 1971 Peraturan 10 (3) (6)  
dan Peraturan 15 (2).
- (2) SPR hendaklah mengarahkan  
para Pegawai Pendaftar untuk  
membuka semula bantahan-ban-  
tahan yang telah dibuat oleh be-  
berapa individu di seluruh negeri  
Sabah terhadap senarai "A" yang  
telah ditolak oleh mereka dalam  
cara yang bertentangan dengan  
undang-undang.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua,  
kertas cadangan keempat adalah me-  
ngenai dengan prosedur tetap penyia-  
satan umum (public enquiry) di mana  
latar belakangnya adalah seperti berikut:

- (1) Adalah diperhatikan bahawa di  
setiap penyiasatan umum (public  
enquiry), Pegawai Pendaftar ber-  
sifat terlalu mempertahankan  
daftar pengundi dan bukan beker-

jasama untuk memastikan agar  
segala peruntukan undang-  
undang yang mempunyai hubung  
kait dengan Pendaftaran Pemilih  
dipatuhi.

- (2) Adalah seterusnya didapati ba-  
hawa setiap Pegawai Pendaftar  
menggunakan stail dan prosedur  
sendiri seolah-olah tidak ada satu  
piawai prosedur penyiasatan  
umum yang diperuntukkan oleh  
SPR. Untuk lebih jelas, ada di  
antara mereka yang sengaja me-  
lanjutkan tempoh public enquiry  
dari jam 8.00 pagi sehingga jam  
4.15 petang untuk menunggu  
orang-orang yang dibantah su-  
paya hadir. Ada pula yang ber-  
cadang ingin mempamerkan se-  
mula notis iaitu Borang F selama  
seminggu lagi. Namun, apa yang  
jelas ialah setiap seorang Pegawai  
Pendaftar telah menjalankan pe-  
nyiasatan umum dengan cara  
yang berbeza-beza dan ini me-  
nyukarkan para pembantah,  
malah mereka yang dibantah juga  
turut terkena kesan dan terkeliru.

Lebih merunsingkan, Tuan Yang di-  
Pertua, ialah ada di antara Pegawai  
Pendaftar yang tahu mengambil ke-  
putusan mengenai bantahan-bantahan  
yang dikemukakan, sementara ada pula  
yang tidak mengetahui bidang kuasa  
yang ada padanya. Dalam erti kata yang  
lain, pegawai tersebut tidak tahu sama  
sekali tentang tugas mereka masing-  
masing, apa lagi keputusan yang harus  
diambil.

Tidak keterlaluan untuk dinyatakan  
bahawa sikap dan telatah para Pegawai  
Pendaftar di Sabah sejak kebelakangan  
ini boleh menghakis keyakinan awam  
terhadap kesaksamaan SPR. Adalah  
dikhuatiri jika perkara ini dibiarkan

berterusan, kita akan tiba pada satu ketika di mana penduduk tempatan tidak lagi berminat dalam hal pendaftaran pemilih dan hilang keyakinan untuk turun membuang undi di negeri Sabah.

Cadangan Parti Bersatu Sabah, Tuan Yang di-Pertua, adalah seperti berikut:

- (1) SPR hendaklah mengadakan satu prosedur tetap dengan menggariskan kuasa-kuasa umum dan khasnya yang ada pada seorang Pegawai Pendaftar, keistimewaan dan hak seorang pembantah dan keistimewaan dan hak seorang yang dibantah. Prosedur ini bolehlah dihantarkan kepada para pembantah semasa mereka menerima notis public enquiry dengan menggunakan Borang G.
- (2) SPR hendaklah melatih para Pegawai Pendaftar terutama sekali dari segi undang-undang. Mungkin juga para Pegawai Pendaftar wajib lulus satu ujian undang-undang pilihan raya sebelum layak dilantik memegang jawatan-jawatan tersebut.
- (3) Memang sukar untuk mengikis habis sentimen politik daripada Pegawai Pendaftar tetapi memadailah kiranya mereka dapat disedarkan bahawa tanggungjawab mereka semasa menjadi pegawai pilihan raya adalah untuk mempertahankan kedaulatan undang-undang yang menjamin keselamatan serta kedaulatan negara.
- (4) Pegawai SPR hendaklah diberi kuasa untuk mendakwa dan menjatuhkan hukuman denda ke atas sesiapa sahaja yang didapati semasa menjalankan penyiasatan

umum (public enquiry) melakukan kesalahan berkaitan dengan pendaftaran pemilik dan wang denda yang dikutip sedemikian ini akan dimasukkan ke dalam satu tabung khas dan dipakainya untuk membiayai penyiasatan umum.

- (5) Sebagai saksi berkecuali, sesiapa juga yang telah menjadi saksi ke atas permohonan untuk didaftarkan sebagai pemilik atas Borang A, hendaklah dipanggil untuk memberi keterangan jika permohonan yang disaksikannya dibantah.

#### ***Cadangan Kelima — Prosedur Tetap Rayuan (Appeal Procedure)***

- (1) Semasa perjalanan public enquiry di negeri Sabah terdapat beberapa keputusan yang menimbulkan sebab-sebab mengapa rayuan (appeal) harus dibuat. Malangnya kesemua Pegawai Pendaftar telah tidak membekalkan nama dan alamat Pegawai Penyemak di mana rayuan harus ditujukan seperti mana yang dikehendaki oleh Peraturan 11 Elections (Registration of Electors Regulations) 1971.
- (2) Dengan sebab ketiadaan maklumat mengenai nama dan alamat Pegawai Penyemak, maka para perayu atau appellants telah mengambil keputusan bahawa orang yang paling sesuai tempat menyampaikan rayuan ialah Pengerah Suruhanjaya Pilihanraya Negeri Sabah. Sekali lagi, usaha ini menghadapi jalan buntu bila nama para pegawai di Pejabat SPR Negeri hanya mengambil surat-surat rayuan tetapi enggan

menerima yuran rayuan (appeal fees) seperti yang dikehendaki oleh Peraturan 11 tersebut di atas. Ini bermakna segala rayuan telah tidak didaftarkan.

- (3) Para perayu telah berusaha untuk membuat pembayaran di Pejabat Pegawai Pendaftar dan di Pejabat Kewangan Persekutuan namun tetap tidak diterima.
- (4) Situasi ini amat aneh dan sekali lagi melunturkan kepercayaan umum terhadap keberkesanan dan kesaksamaan sistem yang ada sekarang.
- (5) Tidak hairanlah sehingga hari ini tidak seorang pun perayu (appellant) yang telah menerima notis pendengaran semula bantahan mereka.
- (6) Berlandaskan keadaan di atas, ramai membantah telah menyatakan hasrat masing-masing untuk mendapatkan judicial review terhadap daftar pemilih di kawasan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan adalah:

- (1) SPR hendaklah melantik kesemua pegawai seperti yang dikehendaki oleh seksyen 8 Akta Pilihanraya 1958. Ini termasuklah Pegawai Penyemak (Revising Officer) seperti mana yang dikehendaki oleh peraturan ini. Nama-nama mereka hendaklah diwartakan dan dipamerkan untuk tatapan umum di Pejabat Pegawai Pendaftar atau disiarkan di akhbar demi memudahkan orang ramai membuat rayuan.
- (2) SPR hendaklah mengumumkan kepada orang ramai pegawai dan/

atau pejabat tempat rayuan itu didaftarkan berserta tempat yuran rayuan (appeal fees) dibayar.

- (3) SPR hendaklah mengarahkan Pejabat SPR Negeri Sabah untuk membuka semula pendengaran terhadap rayuan-rayuan orang ramai yang telah dikemukakan.
- (4) Adalah dicadangkan agar Pegawai Penyemak (Revising Officer) dilantik dari kalangan kaki-tangan tetap SPR. Ini adalah penting kerana kerja-kerja penyemakan semula daftar pemilih bukan sahaja memakan masa yang panjang tetapi memerlukan tumpuan perhatian yang khusus dan serius.

Dua lagi cadangan, Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang keenam adalah berkaitan dengan pendaftaran dan penyemakan daftar pengundi pos di mana latar belakang adalah seperti berikut, semangat yang tersirat dalam peruntukan yang tersirat membenarkan seseorang itu menjadi pengundi tak hadir (absent voters) dan seterusnya mendapat keistimewaan mengundi secara pos adalah dihormati tetapi keistimewaan ini hendaklah jangan disalahgunakan. Kerajaan Malaysia seperti yang sentiasa digambarkan sebagai kerajaan yang berpegang kepada prinsip demokrasi tulen sekali-kali tidak boleh membenarkan dirinya terperangkap dalam satu situasi di mana ia boleh dilihat dan dikecam oleh masyarakat dunia sebagai lurus di luar, rencong di dalam.

Sejak akhir-akhir ini adalah didapati bahawa jumlah terhimpun pengundi yang tersenarai di beberapa pengkalan tentera dan polis di Sabah khususnya di Lok Kawi jauh melebihi jumlah sebenar mereka yang menghuni di pengkalan

tersebut. Ini bermakna mereka yang telah bertukar telah tidak disemak dan nama mereka masih tersimpan di dalam daftar. Sementara mereka yang baru ditukarkan bertugas di pengkalan tersebut telah didaftarkan sebagai pemilih. Akhirnya, bukan menjadi perkara mustahil sekiranya seorang anggota tentera berdaftar dan mengundi dalam lebih dari satu kawasan pilihan raya. Apa yang merunsingkan ialah SPR sendiri seolah-olah tidak mempunyai kuasa dan daya untuk mengesan perpindahan anggota tentera. Ini menambah sukar untuk SPR membuat semakan dan mengemaskinikan daftar pengundi tak hadir seperti ini.

Keengganan pihak berkuasa tentera menzahirkan pergerakan ini adalah kononnya atas nama keselamatan negara. Alasan keselamatan negara ini dipandang oleh orang ramai sebagai selesa tetapi tidak munasabah atau convenient but unfounded, dengan izin. Jumlah dan kekuatan tentera dalam satu-satu pengkalan di Malaysia ini adalah dalam pengetahuan umum. Musuh-musuh negara dan anasir-anasir subversif hanya memerlukan mengetahui jumlah dan kekuatan tentera dalam pengkalan itu dan tidak perlu mengetahui nama mereka yang menganggotai pengkalan tersebut.

Seyogianya diingatkan bahawa keselamatan negara bukan sahaja terjamin kerana kekuatan tentera tetapi yang lebih penting ialah keluhuran dan kedaulatan undang-undang serta jaminan perlindungan Perlembagaan negara. Berlandaskan alasan di atas, adalah tidak munasabah sama sekali bagi mana-mana pihak mengatakan bahawa penzahiran nama-nama mereka yang berpindah akan menjejaskan keselamatan negara. Malahan dengan mempertahankan alasan sedemikian, peruntukan dan kaedah-kaedah dalam Perlembagaan mengenai pendaftaran pemilih telah dipersendakan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang kami bawa adalah seperti berikut:

- (1) Satu sistem di mana orang ramai boleh meminta pengesahan daripada pihak berkuasa tentera terhadap nama-nama yang masih tersenarai dalam daftar pemilih yang telah digubal. Pengesahan yang dimaksudkan memadailah dengan jawapan sama ada penama tersebut:
  - (a) masih berada di pengkalan ataupun di kem yang dinyatakan;
  - (b) sudah tidak berada di pengkalan ataupun di kem yang dinyatakan;
  - (c) sudah meninggal dunia;
  - (d) sudah berhenti daripada perkhidmatan; dan
  - (e) jika isteri atau suami kepada anggota tentera masih menjadi isteri atau suami atau sudah bercerai.
- (2) Satu sistem kerjasama antara orang ramai dengan SPR dan pihak berkuasa mengenai maklumat pertukaran dan perpindahan anggota tentera, polis atau lain-lain kakitangan kerajaan hendaklah diwujudkan agar penyemakan dapat dibuat dengan segera tanpa menjejaskan keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kertas cadangan yang berakhir, yang ketujuh adalah mengenai dengan cara menangani orang yang diragui pengenalnya semasa pembuangan undi. Latar belakang adalah seperti berikut:

Semasa pilihan raya umum negeri Sabah pada Februari tahun 1994,

didapati terlalu banyak kejadian seperti berikut:

- (a) seseorang datang untuk mengundi tetapi mendapati bahawa orang lain telah pun mengundi lebih awal menggunakan namanya;
- (b) penggunaan dokumen-dokumen lain sebagai dokumen pengenalan selain daripada kad pengenalan biru yang sah adalah berleluasa dan telah diterima oleh Prosiding Officer dan dibenarkan mengundi;
- (c) kehadiran ratusan malah ribuan orang pendatang asing untuk mengundi di satu-satu tempat walaupun mereka sendiri tidak tahu di mana mereka berada sementara penduduk tempatan di kawasan itu tidak mengenali siapa mereka; dan
- (d) ramai pendatang asing yang membuat pengakuan bahawa mereka telah disuruh dan dibantu untuk membuang undi di beberapa tempat dan di beberapa kawasan.

Amat dikesali sekali, Tuan Yang di-Pertua, bahawa terlalu ramai kakitangan Kerajaan Persekutuan yang bersubahat dengan para penjenayah ini terutama sekali dalam memberikan pengesahan ke atas kad pengenalan mereka semasa pilihan raya tetapi sendiri menangkap dan kemudian merampas dokumen pengenalan mereka selepas pilihan raya. Perbuatan ini tidak boleh dibenarkan berterusan. Ianya satu pengkhianatan terhadap negara yang tercinta ini. Hanya kerana inginkan kemenangan dalam satu pilihan raya nampaknya ada yang tidak menghiraukan keselamatan negara yang kian dibanjiri oleh para pendatang haram yang kemudian dihalaukan sendiri oleh para pegawai Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, tidak keterlaluan jika kami mengatakan bahawa masa depan negeri Sabah dan rakyat tempatan negeri Sabah kini ditentukan oleh para pendatang asing, pendatang haram dan pelarian ekonomi yang hanya berniat mahu mencari kesempatan untuk bekerja dan juga di atas segala-gala hak rakyat tempatan. Mereka akhirnya akan bermaharajalela di bumi yang telah kita merdekakan ini. Para pegawai dan pelaku politik yang tidak bertanggungjawab inilah yang menjadikan bumi Sabah dijajah kembali oleh para pendatang asing ini.

Dalam background seperti berikut, Tuan Yang di-Pertua, cadangan kami adalah seperti berikut:

- (1) Seperti yang pernah dicadangkan oleh Dato' Setiausaha SPR sendiri, SPR hendaklah mengarah semua pegawai pengurus pilihan raya bahawa jika timbul keraguan yang kuat dikemukakan oleh mana-mana polling agent mengenai pengenalan orang yang hadir untuk membuang undi, pegawai pengurus atau prosiding officer hendaklah mengarahkan orang tersebut menunggu sehingga 30 minit sebelum tamat tempoh pembuangan undi. Jika dalam tempoh itu tidak ada orang yang datang sebagai orang sebenarnya empunya nama yang tersenarai sebagai pemilik itu, maka orang pertama tadi bolehlah dibenarkan membuang undi.
- (2) Hanya kad pengenalan biru yang sah sahaja boleh diterima sebagai dokumen pengenalan bagi tujuan membuang undi. Lain-lain dokumen yang bukan kad pengenalan tidak boleh diterima, kecuali ianya disokong oleh dokumen-

dokumen lain seperti pasport dan surat beranak asal atau jika kesemua polling agent yang hadir mengesahkan bahawa orang yang hadir itu adalah sebenarnya yang punya nama seperti yang dituntut.

- (3) Satu kaedah pengenalan mungkin boleh diperkenalkan untuk memastikan agar setiap orang hanya mengundi sekali sahaja dalam mana-mana pilihan raya. Di negara India dan beberapa buah negara lain, penggunaan pewarna, 'dye', dengan izin, pada tangan pengundi adalah di antara cara mengenali bahawa orang tersebut sudah membuang undi.
- (4) Untuk mengurangkan peluang bagi orang-orang yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan membuang undi lebih daripada sekali di negeri Sabah dalam mana-mana pilihan raya, tempoh pembuangan undi hendaklah dihadkan kepada satu hari sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah cadangan-cadangan yang ingin kami sampaikan sebagai sumbangan untuk meninggikan lagi imej SPR dan Kerajaan Malaysia supaya kepercayaan terhadap pilihan raya-pilihan raya di masa-masa akan datang akan lebih meningkat lagi dan supaya pemerhati-pemerhati daripada luar negara kita apabila datang di sini tidak ragu-ragu lagi memberi sanjungan tinggi terhadap keputusan-keputusan yang dibuat oleh rakyat warganegara Malaysia yang sah.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira saya beri peluang kepada rakan-rakan saya yang lain nanti untuk memberi ucapan.

Hanya satu lagi perkara yang saya ingin sentuh di sini. Disebabkan nam-

paknya persempadanan kawasan pilihan raya di negeri Sabah sudah berubah, ada tempat-tempat yang tidak lagi mempunyai wakil-wakil rakyat yang tertentu, mungkin barangkali sudah sampai masanya untuk Dewan Undangan Negeri dibubar supaya kembali kepada rakyat untuk menentukan kerajaan mengikut sempadan-sempadan yang baru.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Usul Ucapan Terima Kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

*(Y.B. Datuk Joseph Pairin Kitingan, Ahli dari Keningau menyerahkan dokumen kepada Timbalan Yang di-Pertua)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Senai.**

*4.55 ptg.*

**Tuan Lim Si Cheng (Senai):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang sudi membenarkan saya bangun dan bersama-sama dengan rakan saya menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen dari Kawasan Parit Sulong iaitu suatu Ucapan Menjunjung Kasih perlu dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Baginda sempena membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kesembilan pada 8 Jun lalu dan seterusnya memberi peluang untuk saya bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua Ahli-ahli Dewan yang baru dipilih dalam pilihan raya umum baru-baru ini terutamanya kepada

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah berjaya membawa Barisan Nasional ke tahap kecemerlangan dalam sejarah pilihan raya umum negara ini. Keputusan pilihan raya kali ini jelas menunjukkan bahawa kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri amat disanjung tinggi dan mendapat sokongan penuh dari segala lapisan masyarakat. Kejayaan ini adalah kerana Kerajaan Barisan Nasional telah melaksanakan dasar-dasar yang liberal dan yang dapat memanfaatkan rakyat jelata. Ini jelas terbukti dengan sokongan padu dari komuniti Cina yang dahulunya memihak kepada parti Pembangkang DAP kerana tidak puas hati dengan dasar-dasar tertentu Kerajaan, pada kali ini secara keseluruhannya telah memberi undi kepada Barisan Nasional. Gejala ini telah mengakibatkan DAP kalah teruk dalam pilihan raya, terutamanya di kawasan-kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang mempunyai majoriti pengundi Tionghua.

Semoga Tuhan dapat menganugerahkan ilham dan inspirasi kepada kita semua untuk menghadapi segala cabaran. Semoga dengan perpaduan kita, kecekapan kita serta dengan sokongan dan kerjasama daripada segala lapisan rakyat, negara kita akan terus mencapai kemakmuran, kemajuan dan kejayaan yang lebih cemerlang dengan rakyat jelata dapat hidup dalam keadaan aman dan tenteram.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan bahawa Dasar Pendidikan Negara sudah menjadi lebih liberal berbanding dengan lima tahun yang lalu. Mutu pendidikan juga dipertingkatkan ke suatu tahap yang memuaskan. Dengan perlantikan Yang Berhormat Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak sebagai Menteri Pendidikan yang baru, rakyat Malaysia mengharap

Yang Berhormat Menteri akan membawa lebih banyak pembaharuan kepada sistem pendidikan negara dengan mengubah dasar-dasar pendidikan yang berupaya menolong negara mencapai status sebagai, dengan izin, centre of excellence for education. Demi mencapai matlamat Wawasan 2020, sistem pendidikan negara perlu dikemaskinikan supaya menjadi lebih dinamik dan liberal. Dasar-dasar dan sekatan-sekatan yang dianggap ketinggalan zaman dan yang tidak mendatangkan faedah kepada negara seharusnya dilonggarkan atau dimansuhkan sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini saya ingin menyeru agar kerajaan memberi kelonggaran dan kebenaran kepada universiti-universiti terbuka di dunia untuk mendirikan kampus-kampus cawangan mereka di negara ini. Selain daripada itu, kerajaan juga harus menggalakkan sektor swasta mendirikan kolej-kolej dan universiti-universiti swasta di samping dapat memberi lebih banyak peluang bagi golongan lepasan sekolah memperolehi pendidikan lanjutan, bahkan dia dapat menjimatkan pertukaran asing bagi negara.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang soal universiti-universiti tempatan dikorporatkan ataupun diperbadankan. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang telah menyatakan bahawa Kementerian akan mengambil perhatian terhadap masalah kenaikan yuran yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang berharap sekiranya pihak Kementerian Pendidikan dapat memberi penjelasan selanjutnya dalam perkara ini. Kerana hakikatnya rancangan untuk memperbadankan universiti-universiti tempatan telah membimbangkan rakyat tentang

implikasinya terhadap masyarakat, terutama yuran universiti tempatan mungkin melambung naik setelah diperbadankan akan menjejaskan peluang penuntut-penuntut dari keluarga miskin untuk melanjutkan pendidikan mereka di universiti tempatan.

Saya membantah sebarang langkah yang mungkin menghalang penuntut-penuntut dari keluarga miskin melanjutkan pendidikan di universiti-universiti tempatan dan MCA juga berpegang teguh dan juga berpendirian yang sama.

Saya berpendapat sumber kewangan universiti-universiti tempatan setelah diperbadankan tidak semestinya jadi kenaikan yuran. Pihak Kerajaan harus memandang pendidikan terutamanya pengajian tinggi sebagai alat penting untuk memperbaiki kedudukan sosial golongan yang miskin dan yang kurang bernasib baik. Oleh sebab itu, pihak kerajaan harus berusaha menyediakan lebih banyak peluang pendidikan tinggi, dan membenarkan sesiapa sahaja tanpa mengira latar-belakang keluarga dan masyarakatnya asalkan dia dapat memenuhi keperluan akademik yang ditetapkan, diberi peluang yang sama untuk menerima pendidikan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, kolej-kolej swasta ini memainkan satu peranan yang penting dalam pembangunan negara. Negara kita sedang pesat membangun. Dalam pada itu, kita sedang menghadapi kekurangan tenaga buruh mahir dan separuh mahir yang serius.

Masalah kekurangan tenaga buruh ini amat ketara dalam bidang profesional dan industri pembuatan, pembinaan dan sektor perladangan. Misalnya menurut satu laporan dari FNM, nisbah jurutera di Malaysia dalam tahun 1990 hanya 1,120 orang jurutera dalam setiap sejuta

penduduk dan dijangka hanya bertambah kepada 2,308 jurutera setiap sejuta penduduk menjelang tahun 2020. Perangkaan ini sangat rendah berbanding dengan negara jiran Singapura yang telah mempunyai nisbah 14,303 jurutera dan ahli sains setiap juta penduduk dalam tahun 1980 dan di Hong Kong 26,458.7 jurutera setiap juta penduduk dalam tahun 1986.

Jika keadaan kekurangan ini tidak diatasi dengan segera, matlamat pembangunan negara akan terjejas. Oleh yang demikian, Kerajaan harus mengkaji semula konsep universiti terbuka dengan tujuan melahirkan tenaga buruh mahir yang mencukupi supaya asas-asas pembangunan negara dapat berjalan lancar dan tanpa gangguan kekurangan tenaga mahir.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini membangkitkan soal mengenai permohonan mendirikan kolej swasta.

Saya berharap pihak Kementerian Pendidikan akan memandang berat terhadap permohonan Pertubuhan Pendidikan Cina (Dong Jiao Zhong) itu, Lembaga Pengurus Sekolah-sekolah Cina untuk mendirikan sebuah kolej swasta yang dinamakan Kolej Era Baru. Saya dimaklumkan bahawa permohonan tersebut masih dalam pertimbangan kementerian, meskipun pihak yang berkenaan telah memenuhi segala syarat permohonan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan.

Oleh itu, saya berharap pihak kementerian akan memberi pertimbangan sewajarnya terhadap permohonan tersebut dan kalau boleh meluluskan permohonan tersebut. Di samping perkara ini, banyak rungutan telah diterima mengenai kekurangan bilik darjah dan

guru-guru terlatih di hampir semua sekolah rendah jenis kebangsaan Cina, di bandar dan pekan untuk menampung bilangan murid-murid yang semakin bertambah setiap tahun. Masalah ini amat ketara sekali di kawasan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya.

Sekolah-sekolah yang sedia wujud memperlihatkan bilik-bilik darjah yang sesak melebihi bilangan murid yang sepatutnya menyebabkan pembelajaran tidak berjalan dengan lancar. Keadaan sedemikian menjadi lebih membimbangkan semenjak beberapa tahun yang lalu di mana bukan sahaja ibu bapa Cina menghantar anak-anak mereka ke sekolah rendah jenis kebangsaan Cina, bahkan pada hari ini ramai ibu bapa Melayu dan India juga menghantar anak-anak mereka ke sana.

Menurut satu laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan pada bulan Julai tahun lepas bilangan murid-murid bukan Cina ke sekolah-sekolah rendah Cina telah bertambah seramai 10,679 dari tahun 1993 kepada 32,203 orang pada tahun 1994. Kaum bumiputera merupakan golongan terbesar dengan jumlah seramai 25,095 diikuti dengan 5,375 murid India dan 1,375 murid Melayu dan 1,733 murid-murid dari kaum-kaum lain. Peningkatan bilangan murid-murid bukan Cina ke sekolah-sekolah rendah Cina telah menunjukkan satu trend meningkat semenjak 4 tahun lalu.

Pada tahun 1991 hanya terdapat 11,000 murid-murid bukan Cina di sekolah-sekolah rendah Cina. Bilangan murid-murid di semua sekolah rendah Cina juga telah meningkat kepada 583,325 murid tahun 1994 berbanding dengan 564,945 murid tahun lepas.

Memandangkan bilangan murid-murid ke sekolah-sekolah rendah Cina telah

meningkat berlipat ganda semenjak kebelakangan ini, saya ingin menyeru agar pihak Kementerian memberi pertimbangan sewajarnya supaya membenarkan SRJK(C) baru didirikan untuk mengatasi masalah kesesakan bilik darjah dan supaya lebih ramai guru-guru berbahasa Cina patut dilatih. Di samping itu, dengan SRJK(C) ini menjadi tumpuan murid-murid bukan Cina, kebenaran Kerajaan untuk mendirikan SRJK(C) baru akan memanfaatkan semua kaum di negara ini. Ia juga sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan kemudahan dan mutu pendidikan di semua sekolah tanpa mengira bahasa pengantarnya. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kerana baru-baru ini beberapa pertubuhan guru telah menyokong pandangan dan cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong dasar kerajaan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan murid-murid sekolah dan universiti. Kemerosotan bahasa Inggeris di semua peringkat sekolah dan universiti tempatan telah pun menjadi topik perbincangan yang hangat. Keputusan kerajaan menggubal dasar baru untuk meningkatkan mutu bahasa Inggeris adalah satu langkah yang tepat pada masa ini. Ini adalah kerana daya persaingan yang ada di pasaran antarabangsa akan menjadi lemah jika rakyat Malaysia tidak mampu menguasai bahasa Inggeris dengan baik. Segala proses pemindahan teknologi dan menimba ilmu pengetahuan, sains, teknologi dan informasi terkini akan terganggu jika kita gagal memahami dan menguasai bahasa Inggeris dan matlamat Wawasan 2020 akan gagal.

Oleh yang demikian, sistem pendidikan negara harus mencerminkan keadaan semasa. Segala rintangan dan dasar yang ketinggalan zaman patut di-

hapuskan dan diubahsuai dari masa ke semasa supaya negara mempunyai satu sistem pendidikan yang peka terhadap keperluan semasa. Langkah-langkah yang sewajarnya perlu diambil agar sistem pendidikan negara benar-benar dapat melahirkan rakyat yang peka, berilmu pengetahuan dan berkelayakan serta berkemahiran tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin beralih kepada masalah yang di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya ingin menarik perhatian kepada skim Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) yang telah berjaya memenuhi matlamat asas penubuhannya. Seperti yang diketahui, FELDA telah pun berkembang maju dengan skim pembangunan tanah yang meliputi seluruh negara berasaskan pertanian seperti getah, kelapa sawit, tebu dan koko di mana FELDA juga telah membentuk anak-anak syarikat seperti Perbadanan Kilang FELDA, Perbadanan Niaga FELDA, Perbadanan Angkut FELDA dan lain-lainnya di mana secara keseluruhannya pembangunan tanah rancangan FELDA berjalan mengikut perancangan.

Namun demikian, beberapa masalah dan perkara yang dihadapi oleh peneroka pada masa kini perlu diberi perhatian oleh pihak yang berkuasa. Satu daripadanya ialah mengenai pemberian hakmilik tanah. Pihak Berkuasa FELDA seharusnya bertindak mengatasi masalah ini dengan memproses dan menyediakan surat hakmilik kepada peneroka yang telah habis membayar balik hutang mereka dan yang telah menandatangani surat perjanjian dengan FELDA, secepat mungkin. Di samping itu, jalan penyelesaian juga dicari bagi para peneroka yang tidak mempunyai perjanjian dengan FELDA setelah selesai menjelaskan hutang mereka.

Dalam kawasan Parlimen saya terdapat 8 rancangan FELDA di mana 6

daripadanya berasaskan pertanian kelapa sawit iaitu Pasir Raja, Bukit Ramon, Sungai Sayong, Bukit Besar, Inas dan Taib Andak di mana seorang penerokanya adalah calon DAP yang menentang saya. Sementara di dua skim lagi, FELDA Bukit Batu dan Bukit Permai adalah berasaskan getah.

Seperkara lagi iaitu masalah pembangunan sosial di kalangan masyarakat peneroka terutama sekali generasi kedua FELDA. Berbagai masalah sosial seperti keruntuhan moral dan akhlak, ketagihan dadah dan pengangguran kerap berlaku di kalangan mereka. Adalah dicadangkan bahawa industri kecil dan sederhana digalakkan bertapak di kawasan FELDA demi membuka peluang pekerjaan kepada mereka. Ini akan dapat menghalang mereka daripada berhijrah keluar ke pusat-pusat bandar dan mengurangkan masalah pengangguran di kalangan mereka. Selain daripada itu, dengan wujudnya industri di kalangan mereka. Selain daripada itu, dengan wujudnya industri di kawasan FELDA, bukan sahaja taraf hidup dan pendapatan mereka dapat dipertingkatkan, malah ia akan dapat mengelakkan mereka dari terus terjerumus dalam perangkap penyalahgunaan dadah dan masalah sosial lain yang dihadapi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih ke satu perkara lain yang dibawah bidang kuasa Kementerian Kewangan.

Pusat Perkhidmatan saya di kawasan Senai baru-baru ini telah menerima aduan daripada orang awam khususnya pesara-pesara berkenaan masalah yang dihadapi olehnya apabila membaharui cukai jalan. Sebelum cukai jalan dibaharui, terlebih dahulu tuan punya kereta perlu membeli perlindungan insurans. Syarikat insurans dengan paksa berkehendakkan tuan punya kereta membeli insurans tambahan, iaitu insurans

kesihatan walaupun pihak Jabatan Pengangkutan Jalan tidak ada dasar atau peraturan membeli insurans tambahan.

Bagi sebuah kereta yang melebihi 10 tahun dan berada dalam keadaan yang sempurna pada lazimnya hanya dilindungi dengan insurans 'third party' dan sekiranya tuan punya kereta tidak mengalami sebarang kemalangan, maka bayaran insurans perlindungan kereta dapat menuntut 'No Claim Bonus', dengan izin, mengikut jumlah tahun tidak ada kemalangan. Pada biasanya sebuah kereta yang melebihi 10 tahun ke atas, bayaran insurans hanya dalam lingkungan RM55 hingga RM60 dan cukai jalan lebih kurang RM180 bagi kereta di bawah 1,300 c.c. Jumlah bayaran adalah RM240.

Bagi seorang pesara yang melebihi 55 tahun bayaran premium insurans kesihatan adalah lebih kurang RM280 setahun. Kedua-duanya berjumlah RM520. Bagi seorang pesara yang menerima pencen bulanan dalam lingkungan RM600 hingga RM750 sebulan, mereka kena tanggung beban berat mempunyai sebuah kereta yang melebihi 10 tahun ke atas. Dalam keadaan ini, jika kereta itu dijual pun tidak ada nilai walaupun kereta itu milikan 'satu tangan' dan keadaannya masih baik. Oleh yang demikian, saya ingin perkara ini dapat diambil perhatian oleh pihak berkenaan supaya satu langkah yang positif dapat diambil bagi meringankan pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi peluang kepada rakan kita mengambil bahagian dalam perbincangan, dengan kata-kata ini, saya memohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Batang Lupar.

5.20 ptg.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian untuk membahaskan Usul Ucapan Terima Kasih kepada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dan saya berjanji tidak bercakap panjang sangat macam Yang Berhormat dari Sabah tadi, kerana cerita dia macam tesis buat di universiti.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana telah jayanya memimpin Barisan Nasional dalam pilihan raya yang baru lalu dan mendapat kemenangan kepada pihak Barisan Nasional yang telah mengukuhkan bukan sahaja dunia, tetapi kita sendiri. Kepada Perdana Menteri yang telah mengangkat darjat dan maruah negara ini di kalangan antarabangsa dan kepercayaan pengiktirafan rakyat ke atas kepimpinan telah juga dirasa di setiap peringkat di seluruh negara ini. Pengiktirafan ini juga dirasa walaupun tempat terpencil umpamanya di kawasan saya di Batang Lupar. Dengan itulah maka saya mendapat kemenangan tanpa bertanding, dan kemenangan itu — berilah publisiti sedikit! — tanpa bertanding. Kemenangan saya bukanlah kemenangan saya seorang sahaja, tetapi kemenangan Barisan Nasional, kemenangan kepimpinan Barisan Nasional, kewibawaan, amanah dan efisien Barisan Nasional. Kepimpinan yang telah membawa jasa yang telah membuat satu track rekod yang tidak ada tolok bandingnya.

Saya berani mengatakan tidak ada tolok bandingnya, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya telah pernah ke luar negeri dan telah berjumpa dengan beberapa orang, umpamanya perjumpaan saya

dengan seluruh Australia. Orang Australia rata-rata mengatakan "you have no problem". Katanya memandang the growth rate selama tujuh tahun berturut-turut dan inflasi rate yang menurun beberapa tahun, jadi kata dia "apalah masalah yang ada di Malaysia." Jadi, dengan track rekod, yang sedemikian, kita telah menang dalam pilihan raya yang lepas kerana rakyat percaya kita boleh merealisasikan segala perjanjian-perjanjian kita. Berlainan daripada apa yang telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Sabah — terlupa kawasan apa, Keningau tadi.

Jadi, bagi diri saya, atas kepercayaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dan Ketua Menteri Sarawak melantik saya mewakili kawasan, sekali lagi saya ucapkan berbanyak terima kasih. Dengan sokongan dan galakan merekalah, saya boleh meneruskan tugas dan tanggungjawab saya. Dan atas galakan dan sokongan daripada kementerian-kementerian, terutamanya Kementerian Pembangunan Luar Bandar, tidak lupa Kementerian Penerangan kerana kerap kali nama dan muka saya keluar dalam televisyen. Orang kata ada Wan Junaidi di Kuala Lumpur berbahas di Parlimen. Saya haraplah surat khabar keluarkan nama saya sedikit. Malam ini atau besokkah keluarkan supaya orang kampung saya kata, saya tak datang sini makan gaji buta saja! Saya merayu baik-baik.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bukan sahaja yang telah menang dalam pilihan raya, tetapi juga telah dilantik menjadi Menteri, jadi Timbalan Menteri, jadi Setiausaha Parlimen, saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah. Saya mempunyai penuh kepercayaan yang lantikan Ahli-ahli Yang Berhormat itu adalah sangat tepat dan kena dalam

menggemblengkan tenaga lama dan baru dalam kepimpinan Kerajaan kita. Yang berpengalaman dengan yang dinamik akan dicantumkan menjadikan satu synergy untuk pembangunan negara di bidang ekonomi, sosial dan spiritual. Hanya satu permintaan saya, datang-datanglah ke Batang Lupar, kawasan saya. Hantar-hantarlah bantuan, kerana sebagaimana rakyat di Lembah Kelang, di Johor Bharu, di Melaka, di Kuching, Miri dan Bintulu, rakyat di kawasan Batang Lupar juga inginkan kemajuan. Kalau tidak yang mewah, sekurang-kurangnya kemudahan-kemudahan asas, seperti jalan, api dan air. "Bujang Senang" menunggu, insya-Allah, bukan hendak makan, bukan hendak mengganyang, tetapi dengan tangan terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak saya dipilih pada pilihan raya 1990 yang lepas hingga habisnya tempoh Parlimen Kelapan dan sampainya dibubar Parlimen, sebelum pilihan raya, pihak pembangkang rata-rata secara oblique dan tidak terus menuduh kerajaan mentadbir negara ini atas nama undang-undang yang oppressive dan unconscionable, dengan izin, dan tidak mengikut lunas-lunas the rule of law, menuduh kerajaan secara rambang dan tidak berasas berdasarkan sifat utilitarianism, iaitu satu kepercayaan, "common good is the only criterion of political action and that the talk of human rights and natural law of justice", mengikut kata sindiran Bentham. "Only the nonsense on stilts" Bentham adalah seorang ahli falsafah Inggeris abad ke-18 yang percaya kepada status pendirian utilitarianism, iaitu kepercayaan "The greatest happiness for the greatest number," dan kepercayaan ini disadur pula dengan kepercayaan John Austin, "that the command of the ruler was all that was needed to be said to defined the nature of law" ataupun dipercayai sebagai "legal positivist".

Tuan Yang di-Pertua, rata-rata tuduhan mereka sedemikian. Saya tiap kali bercakap dan membahaskan di Parlimen ini selalu membawa satu perkataan, umpamanya saya telah sebutkan semalam, "the few must die for the multitude" ataupun sebahagian kita mesti mengalami "the inconvenience" berbangkit dari penguatkuasaan undang-undang untuk kebaikan masyarakat. Tetapi ini adalah dipandang mereka sebagai pandangan, satu konsep yang di bawa oleh Bentham dan John Austin.

Tuan Yang di-Pertua, selalu saya bersuara tak ubah menganut dasar pentadbiran Bentham. Sebenarnya saya percaya dasar pentadbiran kerajaan yang ada sekarang ini, iaitu dasar "The limited government", demokrasi berparlimen, iaitu dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "in place of equality we offer justice, in place of strict" — saya gunakan perkataan "strict" — "common good we offer the protection and the rights of minority and individual observing the rule of law without losing the effectiveness of regulation. It does not overthrow the authority of the government and institution". Ataupun menyingkirkan universal franchise dan popular government. Tetapi mengikut fahaman pembangkang, sebagaimana mereka berdebat di Parlimen ini, mereka menyingkirkan universal franchise dan menyingkirkan kuasa kerajaan yang popular dipilih oleh rakyat.

Dengan sendirinya saya mempunyai satu nilai yang pihak pembangkang tidak percaya dengan sistem pilihan raya yang ada di negara ini. Kemenangan kepada mereka ialah bukan 'kemenangan' melainkan mereka yang menang. Kalau 'kemenangan' kepada kita kemenangan itu adalah kemenangan yang tidak betul. Kita juga tidak memberi hak kepada kelompok-kelompok

sebagai 'unionist'. Tetapi kita memberi hak-hak kepada minoriti yang dahulunya terbiar, membela daripada tekanan yang oppressive dari pihak-pihak, badan-badan besar sebagai union dan corporation.

Begitu juga union sebagaimana yang berlaku di England, corporation sebagaimana yang berlaku di Amerika, tetapi kepada pembangkang ini adalah contoh yang terbaik untuk diikuti oleh negara kita. "Pentadbiran demokrasi yang unggul di dunia", kata mereka. Tetapi pada saya demokrasi di England, demokrasi di Amerika juga ada defectnya, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kita kena menerima hakikat yang kerajaan mempunyai tugas dan tanggungjawab iaitu "balancing act" untuk menilai kepentingan orang ramai dan individu: Kebebasan dan batasan, 'right and wrong', keadilan dan kezaliman.

Tuan Yang di-Pertua, sebaliknya kejahilan pihak pembangkang dalam soal mengendali dan menguruskan pentadbiran Kerajaan, membuat mereka tidak kenal tugas dan tanggungjawab ini, telah menjadi satu handicap kepada mereka — Pembangkang — untuk membuatkan satu balancing act yang boleh mewujudkan pendapat dan perspektif yang betul. Pembangkang selalu bercakap soalan demokrasi. Pada saya, saya belum faham, apakah itu demokrasi?

Demokrasi corak manakah yang pembangkang sebutkan? Kerana kita tahu Karl Marx, Lenin, Engcl mungkin Mao Tse Tung juga bercakap soalan demokrasi, sebagaimana Quentien McGeral Hoggs ataupun dikenal dengan nama Lord Hailsham juga bercakap soalan demokrasi. Jadi, demokrasi yang selalu sebut-sebutkan, Ahli dari Tanjong

semalam saya dengar demokrasi disebut-sebutkan, selepas Ahli Yang Berhormat dari PBS semalam juga menyebut soal demokrasi, Ahli dari Marang juga ada menyebut soal demokrasi.

Ahli Yang Berhormat dari Keningau juga menyebut soal demokrasi. Jadi, soalnya demokrasi yang mana mereka ini sebutkan, yang Engel sebutkah, yang Karl Marx sebutkah ataupun yang Lord Hailsham sebutkah? Kerana semua mereka ini menyebutkan persoalan demokrasi. Lenin, Engel bercakap persoalan demokrasi corak mereka iaitu proletarian democracy, yang semestinya dimulakan dengan pembinaaan, semua 'exploiters', kata mereka iaitu ruling class, the elite, orang korporat dan sebagainya dan seterusnya mewujudkan satu sosialis ataupun pekerjaan sosialis. Selepas Kerajaan sosialis diwujudkan, institusi states akan dihilangkan ataupun lenyap dan baru timbullah utopia apa yang dikatakan demokrasi proletarian. Tetapi kalau kita nampak di negara Rusia (USSR) 70 tahun selepas pembunuhan beramai-ramai pihak elit, pihak monarchy, pihak-pihak yang kaya raya, zaman utopia mereka tidak sampai tetapi konsep demokrasi mereka lenyap di tengah jalan. Dengan dasar yang sama kita telah nampak di Cambodia sebagaimana regim Polpot telah membunuh selagi-lagi ahli-ahli profesional, selagi-lagi orang korporat yang bijak pandai untuk mewujudkan zaman utopia yang diimpikan oleh pihak Karl Mark, Lenin dan sebagainya.

Tetapi kalau kita berbincang secara panjang lebar, saya akan memberi kuliah kepada pihak pembangkang. Jadi, saya berhentikan persoalan Karl Marx dan teori utopia daripada 'proletarian democracy'. Sebaliknya pula, kita lihat di Amerika iaitu contoh dan model demokrasi 'western model' ataupun yang lain-lain lagi iaitu demokrasi contohnya Westminster di England.

Tuan Yang di-Pertua, kita ambil contoh di Amerika, semenjak selepas perang saudara tamat tahun 1776, tidak semua rakyat mereka boleh mengundi dalam pilihan raya. Banyak lagi states di Amerika yang mana pihak Negro, orang Indian tidak dibenarkan mengundi, di defranchisekan hinggalah zaman Kennedy pada tahun 1960. Hinggalah Kennedy dikecam dan dibenci segelintir masyarakat kulit putih kerana memberi 'equal rights' kepada orang kulit hitam. Tetapi Kennedy beragama Roman Catholic yang dipercayai mewarisi kebimbangan dan kebencian kepada bangsa Yahudi, menang pilihan raya pada tahun 1960 atas sokongan undi 81% Yahudi. Pilihan raya 1960 majoritinya kepada Kennedy ialah 114,563 undi berbangkit dari sokongan undi dan wang dari pihak Yahudi. Dengan sokongan yang demikian, pihak Yahudi telah membeli dasar luar negara Amerika ke Timur Tengah.

Jadi, saya ceritakan dasar latar belakang ini ialah untuk menunjukkan sebagaimana politik ataupun demokrasi di Amerika berfungsi yang mana orang yang kaya-raya boleh membeli dasar luar negara Amerika pada tahun 60-an semasa Kennedy dengan 'donation' bermula US\$500,000 kepada Kennedy. Semasa perbincangan di antara Kennedy, 'the group of Yahudi' dalam sebuah hotel bernama Hotel Pierre di Washington. Dengan kemenangan yang demikian, program-program nuklear pihak Israel disorok. Dan segala dasar-dasar ataupun resolusi pihak United Nations telah menemui jalan buntu oleh kerana tekanan Amerika.

Ada sebilangan berpendapat, kalau dasar luar Amerika tidak dibeli oleh pihak Yahudi pada tahun 1960, nescaya soalan terorism di Middle East tidak berlaku, soalan displacement of Palestine di Middle East tidak berlaku, bahkan

nuklear Israel pun tidak akan wujud sebagaimana yang ada sekarang ini. Tetapi ini adalah model demokrasi yang di-agung-agungkan oleh pihak pembangkang. Inilah satu point yang dapat saya utarakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap ringkas soal politik Amerika. Sekarang saya ingin bercakap ringkas politik Westminster model iaitu Britain. Semenjak tahun 1945, ada beberapa pilihan raya diadakan di Great Britain pada tahun 1950, 1951, 1955, 1959, 1964, 1966, 1970, 1974 dan 1979.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Yan minta jalan.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan sedikit dari Yang Berhormat dari Batang Lumar. Pilihan raya di England dengan di Malaysia samakah, Yang Berhormat? Kalau sama, Yang terhormat cerita fasal Malaysia lebih sedikit. Saya tidak berapa faham di Malaysia, saya rasa. (*Ketawa*)

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya memang beri peluang dengan Yang Berhormat dari Yan ini. Cerita yang model dia orang dahulu, lepas itu cerita hal kita pula. Jadi, pilihan raya mereka ini kalau kita pandang, 1950 — satu pilihan raya, 1951 — satu pilihan raya. Jadi, di England ada mempunyai dua parti — alternative government, yang pihak pembangkang selalu bincangkan. Conservative dan Labour.

Jadi, alternative government party ini, tiap-tiap kali pilihan raya bertukar dasar oleh kerana yang Labour punya konsep

iaitu Socialist punya konsep. Yang konsep dia kata semua di centralisation, semuanya berkehendakkan nationalisation semua government utility tetapi sebaliknya pula Conservative mengatakan privatisation — small is beautiful, kerajaan kecil itu baik dan mengecilkan tetapi setiap kali pertukaran ini, benda ini diubah suai setiap masa.

Jadi, dalam keadaan yang demikian, bilakah masa mereka mesti mentadbir? Dalam pertukaran ini, kata mereka, sekurang-kurangnya dua tahun period of adjustment untuk menukarkan dasar daripada Labour pergi ke Conservative dan Conservative pergi ke Labour. Jadi, dengan keadaan yang demikian, tidak adalah masa untuk mentadbirkan Kerajaan. Tetapi sebaliknya pula pihak pembangkang kata ini adalah model yang terbaik, model yang patut kita tunggukan.

**Tuan Radin Malleh:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Tenom bangun.

**Tuan Radin Malleh:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana dua tahun yang lalu saya ingat Yang Berhormat dari Larut ada berhujah di sini berkenaan dengan politik dan sejarah politik dan sebagainya. Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya sama ada Yang Berhormat dari Larut setuju dengan pendapat Yang Berhormat dari Batang Lumar.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat ini sudah dua term tidak faham pun Parlimen. Orang bercakaplah tanya, janganlah tanya Larut yang duduk. Tunggu Larut cakap, baru cakap dengan Larut. Larut bercakap semalam, kenapa tidak tanya? Kenapa tanya sekarang?

Jadi, soalan itu patut dijawab oleh Larut, janganlah tanya dengan Batang Lumar.

Jadi, saya berbalik kepada cerita itu tadi. Period pertukaran ataupun transition period di antara Labour dan Conservative itu ialah dua tahun kebiasaannya tetapi kalau governmentnya can last for four years, dengan izin, hanya period pentadbiran adalah dua tahun sahaja tetapi dalam period yang dua tahun kedua, adalah period pilihan raya yang akan datang. Jadi, backbenchers dari pihak kerajaan itu telah menekan kerajaan itu sendiri supaya semua dasar-dasar mesti diliberalise mengikut kehendak-kehendak constituents mereka. Jadi, dengan sendirinya perjalanan pekerjaan dan urusan pekerjaan dan dasar dibubar, semua tidak dapat diselenggarakan melainkan mengikut kehendak para backbenchers ataupun ahli-ahli politik yang mengatakan inilah cara untuk kemenangan pilihan raya.

Jadi, dengan keadaan yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, di manakah letaknya model demokrasi yang diagungkan itu? Jadi, salahkan kita di Malaysia ini untuk membina ataupun menerajui satu cara demokrasi kita sendiri. Kenapakah soalan demokrasi diungkit-ungkitkan? Lord Hailsham sudah kata, "you don't know what democracy is, don't talk about it," dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Dalam pentadbiran yang 'ding dong' umpama di Britain itu, kita lihat pula dasar asas Labour dan Conservative. Labour — percantuman dua fikiran, Socialist dan Democrat. Tujuan untuk menukar . . . . .

**Tuan Yunof Maringking:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Batang Lumar, ada yang bangun minta jalan. Ini kawan saya, classmate dahulu.

**Tuan Yunof Maringking:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat ini berucap untuk menyokong Titah Diraja ataupun untuk memberi lecture kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tentang definisi demokrasi? Tolong jawab.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Nombor satu, saya sudah empat tahun lebih senior dari Yang Berhormat. Jadi, saya tahulah sedikit peraturan Dewan di sini. Jadi, nombor satu, saya beri lecture dengan pembangkang soalan demokrasi. Yang kedua, kalau hendak faham lebih panjang lagi, tunggu di luar. Insya-Allah, boleh buat. Yang kedua, saya memang membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Setelah ini baru cerita-cerita lain. Tidak berapa panjang sangat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita nampak the conflict di antara dua dasar iaitu Labour dan Conservative, Labour percayakan untuk me'nationalise' semua utility corporation yang mana Conservative percaya kepada privatisation. Labour percaya kepada centralization pentadbiran, Conservative mengatakan yang kecil-kecil itulah yang cantik. Labour mahukan kenaikan gaji atas tekanan Labour Union tetapi mahu juga sekolah, hospital, perubatan ditingkatkan. Conservative — disebabkan percaya kepada semua teori dan konsep pentadbiran, fikiran oleh ahli-ahli falsafah dari Pluto sampai ke John Locke, Liberal political philosophy menganut apa yang dikatakan limited government.

Jadi, limited government ini boleh berjaya, Tuan Yang di-Pertua, dengan syarat tidak ada penukaran kerajaan dari tahun ke tahun. Jadi, alhamdulillah di negara kita ini, oleh kerana the continuity is there, dengan izin, ataupun kesinambungan pentadbiran, dasar yang digubal pada tahun ini boleh diselenggara keseluruhannya hingga mendapatkan keputusan yang baik, hingga mendapat kesan-kesan yang baik sebagaimana yang telah berlaku selama 7 tahun atas soalan ekonomi, kestabilan politik yang ada tetapi pihak pembangkang mempersoalkan soalan undang-undang umpamanya undang-undang ISA, umpamanya undang-undang OSA. Saya banyak senarai undang-undang tetapi kalau saya baca, saya bunyi Tambunan tadilah pula. Cerita satu-satu lebih pengundi yang terlepas. Jadi, saya tidak hendak baca. Saya tidak hendak ikut dia kerana dia salah.

Jadi, kalau soalan undang-undang yang restrict, freedom yang Amerika kata ini, saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Soalan freedom and human rights nobody can define what is the norm and where is the limit and there is no absolute freedom.

Jadi kalau ada limit, janganlah orang macam kita, atau kita sebut orang yang macam Lord Hailsham sendiri mengatakan, "there is no norm for freedom". "There is no limit to the rights". Kalau kita freedom — dia kata ISA ini salah oleh kerana menyekatkan kebebasan. Tetapi soalnya, Polis sekat di jalan raya itu pun salah juga! Undang-undang defamation curtails the right to say something — freedom of speech. Semua undang-undang yang digubal dalam Dewan ini is for the curtailment of somebody's rights, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. One way or the other.

Tetapi, Kerajaan has the rights to regulate — untuk memperbaiki perjalanan pentadbiran kerajaan. Pekerjaan mereka untuk memperbaiki order the human affairs setiap hari. Kalau tidak, 'freedom' itu akan menjadi satu kepercayaan anarki, iaitu kebebasan. Kebebasan yang menyeluruh ini bukan komunisme, tetapi anarki yang percaya bukan utopia daripada politarian demokrasi, tetapi anarki yang percaya kepada kebebasan tanpa bendungan. Anything that the government do is all evils and all wrong.

Anarki mempunyai kepercayaan, governing is wrong, undang-undang salah, mahkamah tak payah, undang-undang tak ada, semua tak ada. Human affairs will be done by themselves walaupun sedikit sebanyak — A.V. Dicy — Yang Berhormat dari sana ada baca tak buku dari tulisan A.V. Dicy? Mengatakan — dia tak baca, itulah masalahnya ini. A.V. Dicy mengatakan, satu ketika dahulu, semasa undang-undang di England membuat Child's Labour and Womens' Labour, pada tahun 1905, undang-undang dibuat supaya jangan budak-budak atau perempuan ini bekerja lebih. Jadi satu undang-undang dikatakan Ten Hour's Act dibuat dan digubalkan di Parlimen untuk menghadkan wanita dan anak-anak bekerja tidak boleh lebih daripada 10 jam satu hari atau 58 jam dalam satu minggu. Jadi A.V. Dicy mengatakan dan mengkritik undang-undang ini kerana A.V. Dicy adalah salah seorang daripada liberal thinker dalam bidang undang-undang walaupun berlainan sedikit dengan anarki.

Konsep liberal thinker ini, "government must not do for the individual, for what he is able to do for himself". Ini dasar asas liberal thinker. Tetapi adakah ini yang kita mahu? Bolehkah kerajaan berfungsi dengan dasar-dasar yang se-

demikian? Jadi, kita faham Tuan Yang di-Pertua, pihak Pembangkang tidak pernah menjadi kerajaan, tak ada tanggungjawab and never will, perhaps — insya-Allah. Jadi, kalau kita pandang kehendak mereka ini yang liberal thinking, tetapi mereka tidak dipanggil anarki kerana anarki ini kalau kita tahu, ramai orang secara liberal atau lateral, percakapan anarki ini ialah membunuh, merompak, menyamun — itu adalah anarki. Sebenarnya, anarki is a thinking, it is a philosophy — philosophy mengatakan, “no government, no rules, no law, no court and no parliament”. Kita buat apa yang kita suka mengikut desakan dalam hati sanubari itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tiap-tiap Kerajaan, tugas dan tanggungjawab untuk mempertahankan dasar, untuk memperbaiki kedudukan supaya kepercayaan masyarakat, bukan sahaja di dalam negara ini, tetapi kepercayaan masyarakat antarabangsa mestilah dipertahankan. Walaupun sedikit sebanyak konsep western democracy yang saya sebutkan tadi hendak kita serapkan dalam demokrasi corak kita, tetapi oleh kerana the norm di negara kita mungkin berlainan. Kalau kita pandang di Amerika sekarang, sudah ada anak yang memohon ke mahkamah untuk divorcing the parents. Tetapi, adakah ini boleh dikatakan satu norm di negara kita ini?

Kalau mahkamah kita tidak menerima hakikat perkara ini dibuat di mahkamah kita, adakah kita mengatakan mahkamah kita tidak adil oleh kerana perkara ini boleh dibuat di Amerika? Free sex, exposing kita sendiri di Brighton Beach, di St. James Park — adakah yang boleh dibuat di St. James Park, boleh dibuat di Brighton Beach, Nudist Camp? Boleh dibuat di sini? Adakah kita mengatakan negara kita ini salah?

Jadi, oleh kerana kita dengan ketimuran kita, mereka dengan kebaratan mereka mempunyai dasar, pandangan dan custom mores berlainan. Jadi, undang-undang kita dan dasar kita — demokrasi kita pun hendak berlainan! Jangan soalkan asas demokrasi lain digunakan untuk mencaci asas demokrasi kita! Apa yang baik di Timur, baik kepada orang Timur, tak payah dikata oleh kerana orang Barat tak ikut, kita kata orang Barat jahat. Kita tak buat macam itu.

Jadi saya berharap pihak Pembangkang mempunyai correct perspective, kita sendiri punya norm, kita sendiri punya limitation, kita sendiri punya custom dan itulah sebabnya saya setuju Kerajaan hendak meminda undang-undang (the common law) yang based on the common law di Great Britain akan dipinda dengan common law di negara kita sendiri kerana common law adalah berasaskan practice dan custom pihak Britain, sepatutnya sekarang, kita menggunakan practice dan custom ketimuran kita sendiri — orang Malaysia.

Kerana pihak kerajaan menunjukkan hilang kepercayaan, tidak mahu hilang kepercayaan memerintah ataupun kalah sebab kemunduran, timbul masalah keganasan sebagai yang saya sebutkan anarki bercorak pembunuhan, kecurian, rompakan, kebebasan seks, sex indulgence ataupun sifat terbuka kepada kesalahan-kesalahan jenayah. Sifat terbuka kepada kesalahan jenayah ini mesti dijaga. Kita mesti peka dengan perkara ini. Baru pagi tadi saya terbaca dalam surat khabar yang pihak DAP hendak buat jualan kad 50,000, kalau tak salah saya untuk membela Yang Berhormat dari Kota Melaka dalam mahkamah dan hendak hantar satu kad ke Boutros Boutros-Ghali untuk membantah oppressive law di negara kita ini.

Ini adalah satu kesalahan jenayah. Jadi pihak DAP telah menunjukkan terbuka kepada soalan jenayah. Maknanya, perverse logic. Soalan jenayah sudah bukan kesalahan lagi kepada mereka kalau mereka yang membuat. Tetapi kalau orang lain yang membuat, barulah ia dikira jenayah. Ini telah menunjukkan the decline pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau seorang itu telah menunjukkan kurang hormat kepada authorities yang ada, tidak lagi menerima satu standard ataupun norm yang biasa dipraktikkan oleh negara tertentu, tidak lagi menghormati institusi-institusi kekeluargaan, maka mulalah the decline of the thinking, dengan izin, orang yang berkenaan.

Dengan keadaan yang demikian, saya berpendapat, wujudnya sindrom ini terserlah di kalangan masyarakat adalah di bahu kerajaan. Pihak pembangkang tidak akan bertanggungjawab. Jadi, dengan keadaan yang demikian juga, pihak kerajaan mestilah bersikap tegas untuk mengambil alih semua tanggungjawab.

Jadi, janganlah didengarkan sangat cerita-cerita pihak pembangkang, persoalan demokrasi, persoalan undang-undang yang kurang menyenangkan sebagaimana kata mereka. Kerana mereka kurang memahami di mana letaknya tanggungjawab kepada masyarakat. Mereka hanya tahu kebebasan mereka sendiri, tetapi, kurang memahami dan faham ataupun tidak hendak memahami tanggungjawab kepada masyarakat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, setelah saya cerita sedikit persoalan demokrasi, human rights dan freedom; ingin juga saya diizinkan untuk mengimbas sedikit

perkara nyata. Saya telah melibatkan diri hampir 35 tahun dalam pergerakan belia, memahami dan mengetahui secara peribadi kelemahan dan kekuatan apa-apa pergerakan belia. Salah satu darinya ialah sumber kewangan, yang kedua ialah kepimpinan. Dari sudut ini, Rakan Muda memang bertuah. Kedua-dua perkara yang telah saya sebutkan tadi dijamin oleh pihak kerajaan dan Kementerian Belia dan Sukan.

Di sebaliknya ingin saya bertanya satu soalan, saya berharap Yang Berhormat yang menjawab, berilah jawapan tepat. Soalan yang mungkin menarik beberapa rangkaian soalan-soalan lain. Soalan saya berbunyi demikian, jika kedua-dua sumber kewangan dan kepimpinan kerajaan ditarik balik, dapatkah Rakan Muda, apa sahaja corak hidup dibawanya, bergerak dan menyambung perjuangannya? Itu soalan saya. Jikalau tidak, apakah langkah dan peranan kerajaan dan Kementerian Belia dan Sukan agar kelumpuhan dan ketandusan tidak berlaku? Sudahkah hirarki urusan dan pentadbiran dibuat? Jikalau sudah, sejauh mana dan sampai ke peringkat mana? Sudahkah carta organisasi dibuat? Sudahkah perlembagaan, misi, visi, sumpah ikrar, garis panduan digubal? Sudahkah latihan kepimpinan, pentadbiran dirangka dan dirancang? Kerana di sinilah letaknya jaminan kesinambungan pergerakan itu nanti. Sudahkah dasar keagamaan, moral, spritual dan spirit of voluntarism dirangka?

Tuan Yang di-Pertua, dalam mana-mana pertubuhan jikalau ingin berterusan mestilah mempunyai satu tanggapan yang kemewahan itu tidak berpanjangan, dan berdikari itu adalah budaya yang boleh menjamin berkekalan. Ia juga akan mengelak diri dari sindrom subsidi. Semalam saya mendengar rakan saya Yang Berhormat dari Larut menyebut-

kan, “jangan-jangan pengendalian dan pengurusan Rakan Muda mencetuskan satu sindrom subsidi di kalangan terutama sekali persatuan-persatuan”. Saya juga mempunyai kecurigaan yang sama setelah terlibat lama dalam pergerakan belia. Kerana kalau pergerakan itu disogok dan dilonggok dengan wang yang begitu banyak, insentif dengan sumber kewangan ataupun material, apabila sumber kewangan itu berhenti, berhentilah aktiviti persatuan yang berkenaan. Jadi, dengan keadaan yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Rakan Muda merancang dan mempelajari daripada pengalaman-pengalaman pergerakan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya, sama ada benar; ini perkara lain Tuan Yang di-Pertua, atau tidak yang konsep pembangunan pertanian secara berkelompok (IADP) telah tidak lagi diminati atau akan diphase out, dengan izin. Jika benar, apakah konsep baru yang dirancangan? Walaupun demikian, saya ingin menyarankan yang rancangan pertanian berkelompok (IADP) di negeri kami Sarawak, masih kami tunggu-tunggukan. Masih kami utamakan.

Jadi, dengan itu saya ingin bertanya Tuan Yang di-Pertua, bilakah rancangan IADP Kalakak-Saribas diturunkan ke hiliran? Laut Saribas termasuk kawasan saya Batang Lupar. Saya ingin juga bertanya, bilakah IADP yang telah disaran oleh pihak Kerajaan Negeri Sarawak iaitu IADP untuk Sebangon/Bajong dan IADP Hiliran Rejang hendak dilaksanakan? Kerana saya bertanya soalan ini, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keadaan di Sarawak, masih banyak hutan, masih banyak tanah terbiar iaitu Tanah Adat Sarawak belum diterokai. Kadang-kala tempat ini tidak sesuai untuk bercucuk tanam oleh kerana

dibanjiri air sama ada daripada darat ataupun lautan, tetapi dengan adanya IADP itu nanti, insya-Allah, tanah itu boleh menjadi subur sebagaimana yang telah berlaku di Kota Samarahan. Saya berpendapat dasar alternatif mungkin belum sesuai melainkan merangkumi infrastruktur jalan, perparitan dan saliran.

Tuan Yang di-Pertua, (*Disampuk*) kalau hendak buat panjang, panjanglah Yang Berhormat. Kalau hendak buat pendek, pendek. Biarlah saya pendekkan, kerana cerita ini semua cerita hal Sarawak. Jadi, kawan-kawan di sini hendak bercakap, jadi suruh saya cakap pendek Tuan Yang di-Pertua. Insya-Allah I am going to oblige them, dengan izin. Ada tiga empat muka yang saya sudah buang ke belakang oleh kerana cerita-cerita itu lecture pada pihak pembangkang sahaja — tidak payah dengarlah. Lain kali kalau hendak di luar.

Jadi, persoalan yang saya hendak bangkit ialah persoalan kad pengenalan. Pagi tadi soalan kad pengenalan telah dibangkitkan dan saya ingin bangkit untuk mempersoalkan satu dua perkara tetapi malangnya tidak berpeluang. Peluang diberi kepada orang lain. Alhamdulillah juga, tidak apa. Tetapi persoalan kad pengenalan baru Tuan Yang di-Pertua adalah satu persoalan rumit terutama sekali di kawasan luar bandar Sarawak. Soalan yang pertama ialah untuk mendaftar diri mendapatkan kad pengenalan baru.

Walau bagaimanapun, penjelasan daripada kementerian mengatakan yang kita sudah boleh mengumpulkan orang di sesuatu tempat pada hari yang tertentu dan menjemput pegawai untuk datang. Ini sudah saya buat minggu lepas — sebelum Menteri beri sudah saya cuba.

Insyah-Allah, saya berharap rancangan ini berjaya. Tetapi persoalan kedua belum lagi diatasi, yang pernah saya bawa ke Dewan ini pada tahun-tahun yang lepas. Persoalan kebanyakan masyarakat di luar bandar terutama di Sarawak, khususnya di kawasan saya beratus-ratus dan beribu-ribu orang yang mendapat kad pengenalan mereka semasa berumur 12 tahun ke atas dan tidak pernah menganti kad pengenalan mereka selepas berumur 18 tahun. Tetapi bila ada arahan dan dorongan kerajaan untuk membuat kad pengenalan baru, mereka cubalah bekerjasama dengan kerajaan dan membuat kad pengenalan baru. Bila sampai ke pejabat, kad pengenalan baru boleh didaftar, mereka sudah gembira tetapi persoalan berbangkit ialah mereka diberi satu pink card tiap-tiap seorang. Hukuman denda terkena. Seorang kena bayar daripada RM10, ada yang kena RM150 pun ada.

Tuan Yang di-Pertua, kepada orang di Dewan ini kalau didenda RM150 perkara yang kecil. Tetapi pada masyarakat yang kais pagi makan pagi di kawasan pedalaman, hukuman RM10 sudah besar, inikan pula RM150 ataupun RM50. Dengan keadaan yang demikian, mereka memberitahu dengan saya, "YB, tak apalah! Saya mungkin mati dua puluh tahun akan datang, tak payahlah ada IC. Saya daftar, tak payah ambil". Benar berlaku, mereka mengaku tidak akan menuntut kad pengenalan yang didaftar. Biarlah kerajaan mengambil balik kerana hukuman itu terpaksa dibayar juga.

Jadi, saya dahulu ada mendapat satu jaminan daripada pihak kementerian, sekarang Timbalan Menteri mengatakan hukuman tidak akan dikenakan kepada mereka ini berasaskan kepada dua perkara. Perkara yang pertama, mereka kurang jelas soalan penggantian kad

pengenalan semasa umur 18 tahun. Soalan yang kedua kerana kemiskinan mereka tidak berkemampuan untuk membayar. Jadi, kalau hukuman itu terpaksa dibuat, buatlah hukuman yang nominal, lebih-lebih pun RM5 macam itu, insyiah-Allah, bolehlah saya sebagai Wakil Rakyat meminta mereka bayarlah RM5. Tetapi kalau sudah sampai RM50, orang Sarawak kata, "dapur nya dai beasap, nyumai asi nya dai ayi".

Dengan keadaan demikian, Tuan Yang di-Pertua, . . . . .

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Yan bangun. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Saya minta penjelasan apakah maksud itu? Kalut sangat nampaknya. Nya ngai, nya ngai ini apa? Minta terangkan sedikit. (*Ketawa*) Tuan Speaker ini pun tak faham.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ini saya gunakan percakapan Iban sedikit. Saya kata kalau hukuman itu terpaksa dibayar juga, nasi pun tak dimasak di dapur, asap pun tak keluar, jadi makan pun tak dapat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak Kementerian boleh mendapatkan satu garis panduan supaya pegawai-pegawai bolch menjalankan tugasnya dan tidak memberikan bebanan yang begitu sangat kepada masyarakat di luar bandar yang miskin, yang belum mempunyai kebolehan untuk membayar denda ini.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya yang kedua ialah mengenai soalan kolej

swasta. Saya memang bersetuju. Tadi kawan saya daripada Senai menyebutkan kolej swasta. Saya bersetuju konsep kolej swasta ini yang membuat twinning programme — semua sekali saya bersetuju. Kerana, rancangan atau matlamat Kerajaan untuk membuat negara kita ini the centre of learning di rantau ini ataupun di sebelah sini.

Dengan adanya banyak kolej-kolej swasta ini dapatlah kerajaan mencapai matlamat dengan lebih cepat lagi. Tetapi sejauh manakah kawal selia yang diberikan oleh pihak kerajaan? Dalam beberapa segi umpamanya soalan harga ongkos untuk menjalankan sesuatu kursus dan twinning programme yang dibuat sama ada dengan universiti di Amerika, England atau mana-mana negeri di luar selain daripada di Malaysia, sistem twinning programme itu sama ada mendapat satu penyelarasan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut soalan ini bunyinya ambiguous, dengan izin, tetapi biarlah saya memberi penjelasan sedikit kerana ada kolej swasta yang mana membuat satu twinning programme dengan kolej ataupun universiti di Amerika. Universiti di Amerika, konsep dan cara pengeluaran ijazahnya adalah benda di luar pengetahuan saya sedikit, tak berapa faham saya. Soalan credit hours semua sekali saya tidak faham.

Jadi, kadang-kadang anak-anak kita, sebelum berangkat pergi ke Amerika, mereka mempercayai yang mereka hanya perlu mendapat beberapa credit hours setelah dijelas dan diberitahu oleh kolej swasta di sini. Tetapi apabila sampai di Amerika, mereka dapati yang mereka perlu dan terpaksa membuat credit hours yang berlebihan. Jadi, kos untuk membuat credit hours di Amerika dengan

wang Amerika, tukaran wang Amerika adalah besar. Jadi, kadang-kadang budak ini apabila sampai di sana rasa tertipu, rasa telah dipermainkan, rasa telah di taken for a ride, dengan izin, oleh kolej-kolej swasta yang berada di Malaysia ini.

Jadi, dalam keadaan demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak Kementerian Pendidikan membuat penyelarasan dan penyelidikan soalan credit hours ini. Janganlah budak-budak itu dikatakan gunakan credit hours ini, ongkos yang perlu dibawa RM10,000-kah atau RM20,000-kah. Kalau sudah cukup kita tahulah. Tetapi kalau tidak prepare itu yang menjadi masalah. Kepada orang yang berkemampuan, mungkin tidak menjadi satu masalah. Tetapi yang tidak berkemampuan, meneruskan pelajaran ataupun.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, soalan teksi, bas, konduktor, driver semua sekali. Jadi, kalau kita pandang, saya memang selalu cerita hal bas dan taxi driver. Pagi tadi saya naik teksi. Jadi, saya jumpa taxi driver itu memang sudah layak menunggu kedatangan pelancong-pelancong yang ramai, sudah layak menunggu kedatangan Commonwealth Games 1998 dan layak sebagai taxi driver yang berwibawa. Tetapi kebanyakan taxi driver, bus conductor, bus driver yang ada di Kuala Lumpur pada masa sekarang belum layak menjadi bus driver, belum layak menjadi bus conductor, belum layak untuk membawa pelancong untuk menunggu kedatangan beramai-ramai orang ke negara kita pada Commonwealth Games yang akan datang.

Jadi, soalnya apakah tindakan positif? Masa sudah tidak ada banyak lagi untuk kita membendung soalan perangai yang kurang baik, tingkah laku yang kurang memuaskan di kalangan

pemandu-pemandu teksi, bas dan konduktor yang berlaku di negara kita ini. Sama jugalah soalan drebar dan konduktor bas sekolah. Di sini saya jarang berjumpa bas sekolah. Tetapi di Kuching, hampir tiap-tiap hari. Mereka jalan macam jalan lumba di Grand Prix. Mereka kurang keprihatinan yang mereka membawa anak-anak orang dalam bas, jalan kereta dengan laju, memecut keluar dari jalan kecil ke jalan besar, kurang mengambil perhatian yang mana bahaya mungkin berlaku kepada anak-anak orang. Jadi, ini banyak berlaku. Jadi, apakah tindakan Kementerian Pengangkutan mengenai soalan bas-bas, pemandu-pemandu yang kurang berwisata ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya ada lagi satu risalah yang hendak diceritakan di sini tetapi oleh kerana kawan-kawan minta dan surat pun datang minta saya berhenti. Jadi, dengan itu saya menyokong usul. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Pasir Mas.

6.20 ptg.

**Tuan Zainuddin bin Mohamad Nor (Pasir Mas):** Tuan Yang di-Pertua, Assalamu Alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang bukan beragama Islam. Pertama-tamanya saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua di atas kesempatan yang diberi ini dan juga saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berjaya di dalam pilihan raya baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, pilihan raya yang diadakan baru-baru ini bererti rakyat di seluruh negara telah meng-

gunakan hak demokrasinya yang ditentukan oleh Perlembagaan negara kita bagi memilih mana-mana parti politik, mana-mana kerajaan yang mereka sukai walaupun terdapat kepincangan, kecacatan di dalam pengalaman demokrasi pilihan raya yang berlaku baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam negeri Kelantan termasuklah di kawasan saya Parlimen Pasir Mas banyak terdapat perkara-perkara yang negatif yang bertentangan dengan etika demokrasi berparlimen telah berlaku sebelum dan semasa pilihan raya berlaku di mana sogokan-sogokan wang begitu banyak telah dilakukan oleh pihak Barisan Nasional, terutama sekali UMNO Baru di dalam Negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, janji-janji telah banyak . . . . .

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Yan minta jalan. Hendak beri atau tidak?

**Tuan Zainuddin bin Mohamad Nor:** Saya tidak membenarkan, Tuan Yang di-Pertua, kepada sesiapa pun meminta jalan kerana masa terlalu suntuk . . . .

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: (Menyampuk)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia tak beri jalan. Minta duduk, Yang Berhormat.

**Tuan Zainuddin bin Mohamad Nor:** Lain kalilah.

Tuan Yang di-Pertua, janji-janji yang ditaburkan oleh pihak Barisan Nasional termasuklah janji-janji yang mustahil boleh dilaksanakan oleh kerajaan walaupun kerajaan itu sebuah kerajaan yang kuat, tidak sebagaimana kerajaan kita yang mempunyai hutang yang begitu banyak.

Tuan Yang di-Pertua, di antara contoh janji yang dibuat oleh calon yang bertanding di dalam pilihan raya ialah janji untuk memberi pinjaman saham di bawah PPRT—ASB kepada sesiapa sahaja yang akan menyokong calon Barisan Nasional di dalam pilihan raya tersebut . . . . .

**Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, dia sudah beri notis bahawa dia tak beri jalan.

**Tuan Zainuddin bin Mohamad Nor:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam buku ini kalau saya tak beri jalan, tidak bolehlah. (*Ketawa*) Ini peraturan, Yang Berhormat!

Tuan Yang di-Pertua, apakah kalau dilihat dari segi logiknya setiap peti undi berjumlah lebih kurang 1,000 orang yang dijanjikan untuk memberi RM5,000 bagi setiap pengundi di dalam kawasan berkenaan. Saya mahu tanya berapa ratus jutakah jumlah wang yang akan diberikan oleh Kerajaan bagi setiap peti undi itu sedangkan perkara ini bagi negeri yang telah diperintah oleh Barisan Nasional di dalam negara kita ini pun tidak dapat dilaksanakan pemberian yang dijanjikan di dalam pilihan raya tersebut. Ini menyebabkan rakyat terutama sekali penduduk-penduduk di luar bandar yang ilmu pengetahuannya tidak begitu mendalam dan selok-belok mainan politik

yang kotor ini sentiasa dimainkan oleh pihak-pihak yang berkuasa telah tertipu . . . . .

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, dia tak beri jalan.

**Tuan Zainuddin bin Mohamad Nor:** Tuan Yang di-Pertua, ini gang-guan. Tetapi sebenarnya kalau kita dapat memerintah negara kita, S46 janji, kita akan beri sebanyak RM100 tetapi apa boleh buat kita tak dapat memerintah negara kita ini . . . . .

**Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din:** (*Menyampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Minta duduk, Yang Berhormat.

**Tuan Zainuddin bin Mohamad Nor:** Tuan Yang di-Pertua, di samping janji-janji yang ditaburkan . . . . .

**Tuan Noh bin Omar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sebentar ya. Ini ada satu lagi minta jalan.

**Tuan Zainuddin bin Mohamad Nor:** Saya sudah nyatakan saya tidak membenar kepada sesiapa sahaja minta jalan kerana kesuntukan masa. . . . .

**Beberapa Ahli:** Booo!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia tidak mahu beri, Yang Berhormat. Minta duduk ya!

**Tuan Zainuddin bin Mohamad Nor:** Tuan Yang di-Pertua, di samping janji yang ditaburkan, ugutan-ugutan juga telah digunakan oleh pihak berkuasa, termasuklah ugutan menarik subsidi baja, menarik subsidi buku teks, mengugut pegawai-pegawai kerajaan termasuklah guru-guru sekolah akan ditukar ke Hulu Kelantan atau pun ke luar negeri, ke Sabah, sebagaimana yang telah dilakukan semasa pilihan raya 1990 dahulu. Ini amat mendukacitakan, Tuan Yang di-Pertua, kerana pada saya kebebasan rakyat untuk memilih siapa sahaja yang akan bertanding di dalam pilihan raya secara bebas tidak berlaku lagi di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dihadapi oleh rakyat sekarang ini ialah masalah pembangunan luar bandar. Saya juga tertarik dengan beberapa ucapan daripada saudara-saudara kita Yang Berhormat, termasuklah juga Yang Berhormat daripada pihak kerajaan yang menyebut masalah jalan yang masih tidak ditar, masalah jalan yang rosak, masalah perlongkangan, masalah perumahan orang-orang miskin, masalah pendapatan rakyat yang termiskin masih banyak lagi kedapatan, terutama sekali penduduk-penduduk di luar bandar. Walaupun Kerajaan Barisan Nasional yang berteraskan UMNO telah berjaya mendapat sokongan rakyat dan memerintah negara kita ini semenjak hampir 40 tahun lamanya, tetapi permasalahan ini walaupun kerajaan kita berbangga dengan kejayaan negara dapat membangunkan negara kita ini, dapat bermegah-megah dengan negara-negara luar kononnya negara kita ini sebuah negara membangun, sebuah negara yang maju, tetapi di sebaliknya rakyat, orang-orang Melayu yang tinggal di kampung-kampung masih banyak menghadapi masalah yang perlu dibela oleh kerajaan, terutama sekali pemimpin-pemimpin UMNO yang menjadi teras kepada Kerajaan Barisan Nasional sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita dapati jalan-jalan di kampung-kampung telah ada peruntukan tetapi setengah-setengah daripada peruntukan yang disalurkan oleh pihak-pihak tertentu telah disalahgunakan oleh mereka yang berkuasa, mereka yang mempunyai kuasa politik di peringkat Bahagian dan di peringkat Cawangan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam negeri Kelantan sebagai contoh, semasa Kerajaan Barisan Nasional memerintah negeri Kelantan selama lebih kurang 12 tahun terdapat RM750 juta lebih hutang Kerajaan Negeri Kelantan dengan Kerajaan Persekutuan untuk hendak membangunkan negeri Kelantan. Namun demikian, permasalahan yang dihadapi oleh rakyat di kampung-kampung sebagaimana juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari pihak kerajaan, termasuklah Yang Berhormat dari Parit Sulong yang awal-awal berucap menyatakan kawasannya juga menghadapi masalah jalan-jalan menyebabkan undinya di dalam pilihan raya baru-baru ini berkurangan . . . . .

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Parit Sulong bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Zainuddin bin Mohamad Nor:** Saya sudah tak beri jalan, Tuan Yang di-Pertua. (Disampuk) Dia tahu fasal isteri dia pun orang Kelantan juga di kawasan saya. (Ketawa)

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah ini masih kita menghadapi, rakyat masih menghadapi masalah rumah miskin, masalah jalan raya, masalah api elektrik, masalah air bersih, maka di manakah letaknya maruah kita sebagai orang Melayu yang berkuasa di dalam negara kita ini? Maka saya menyeru kepada

mereka yang bertanggungjawab, tidak soal sama ada mereka dari pihak kerajaan ataupun dari pihak mana sekalipun di atas nama sifat kita orang Melayu mesti membela nasib terutama sekali golongan-golongan yang termiskin yang tinggal di kampung-kampung yang terpencil . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, masa untuk hari ini sudah cukup, boleh sambung esok.

**Tuan Zainuddin bin Mohamad Nor:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*